

ثقیقن تیتہ

PETIKAN TITAH

"DALAM waktu yang sama kita juga berhadapan dengan cabaran serta turut menyaksikan berbagai krisis yang berunsur geopolitik, ekonomi dan keselamatan serantau mahupun antarabangsa. Kesemua pengalaman ini menjadikan negara dan rakyat bertambah-tambah matang." - Titah Sempena Menyambut Perayaan Ulang Tahun Ke-20 Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Tahun Masihi 2004.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانیسنایمان

MANISNYA IMAN

"KEMUDIAN setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu dimuka bumi untuk menjalankan urusan masing-masing dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah serta ingatlah akan Allah banyak-banyak dalam segala keadaan supaya kamu berjaya di dunia dan di akhirat."

-(Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-jumu'ah, ayat 10).

TAHUN 61 / BILANGAN 33

16 MAC 2016 / 1437 جمادی الآخر

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Berkenan menerima mengadap



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap perpisahan isteri kepada Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Jaya Ratnam, iaitu Puan Sujatha Ratnam.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

Terutama Jaya Ratnam, iaitu Puan Sujatha Ratnam yang akan menamatkan perkhidmatan.

Majlis Mengadap berlangsung di Istana Nurul Iman.

Tuan Yang Terutama telah menyebarkan Surat Tauliah Pelantikannya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 25 Jun 2012.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap perpisahan isteri kepada Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang

Perutusan takziah kepada Republik Turki

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan takziah kepada Presiden Republik Turki, Tuan Yang Terutama Recep Tayyip Erdogan berikutan dengan letupan bom di Ankara baru-baru ini.

Dalam titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu, baginda terkejut mendengar berita tentang letupan bom tersebut yang mengakibatkan kehilangan nyawa.

Baginda sekali lagi mengulangi bahawa Negara Brunei Darussalam berdiri teguh dengan rakyat Turki dalam mengutuk tindakan kejam penganas tersebut.

Dalam mengakhiri titah perutusan berkenaan, baginda menzahirkan ucapan takziah yang amat mendalam kepada Presiden Republik Turki, TYT Recep Tayyip Erdogan, kerajaan dan rakyat Turki terutamanya kepada keluarga yang terlibat dalam kejadian tersebut.

Pihak media perlu berikan laporan tepat, credible

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Mac. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) ingin merujuk kepada beberapa laporan yang terbit daripada beberapa artikel yang dikeluarkan oleh beberapa media cetak dan media sosial di negara ini yang memberikan gambaran bahawa terdapat kenyataan yang dibuat semasa perbincangan di dalam Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang memberikan anggapan seolah-olah pihak kerajaan bercadang untuk melaksanakan pengurangan gaji kepada kakitangan Perkhidmatan Awam.

Laporan ini telah menarik perhatian banyak pihak serta komen-komen negatif terutama di dalam media cetak dan media sosial. Pihak Kementerian Kewangan juga telah mengeluarkan penjelasan melalui media cetak di negara ini.

Dalam hubungan ini, JPM ingin menjelaskan bahawa perkara berkaitan pengurangan gaji kakitangan Perkhidmatan Awam seperti yang dilaporkan tidak pernah dibuat atau ditimbulkan di dalam mana-mana sesi MMN tahun ini. Oleh itu, sebarang laporan mengenai pengurangan gaji kakitangan Perkhidmatan Awam adalah tidak tepat dan tidak berasas.

Sukacita juga menarik perhatian pihak media supaya lebih bertanggungjawab dalam memberikan liputan-liputan dengan memberikan laporan-laporan yang lebih tepat dan *credible* bagi mengelakkan masyarakat tempatan dan antarabangsa keliru; dan membuat tanggapan dan liputan yang salah. Dalam penerimaan dan penyebaran maklumat, pengguna-pengguna media cetak dan media sosial adalah diingatkan untuk memastikan maklumat yang diterima adalah betul dan bukannya dari sumber yang kurang tepat atau tidak sah.



Laporan Majlis Mesyuarat Negara Ke-12

Lihat muka 9 hingga 16

Kurikulum PKBN mampu buka mata, minda belia

Oleh : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Mac. - Kurikulum Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) mampu membuka mata dan minda para belia tentang peranan besar mereka selaku warga Negara Brunei Darussalam yang berguna dan bertanggungjawab.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bersabda,



Muka 5

GERHANA menandakan kekuasaan, kebesaran Allah



Muka 8

MAJLIS Khatam raikan peserta Kelas Murattal MRSB

keunikan PKBN terletak pada aspek pembentukan jati diri, keagamaan dan kenegaraan yang menekankan nilai-nilai keBruneian seperti sentiasa taat mendaulatkan raja, taat mengamalkan tuntutan ugama dengan akhlak yang murni, berdisiplin dan saling tolong-menolong di antara satu sama lain yang menjurus ke arah peneguhan penghayatan konsep Melayu Islam Beraja.

"Saya difahamkan, sejak penubuhannya, PKBN telah berjaya melahirkan seramai 1,131 orang lepasan PKBN. Ini bermakna dengan tamatnya latihan bagi pelatih Pengambilan Ke-5 hari ini, maka bertambahlah lagi bilangan Alumni PKBN yang setentunya mempunyai latar belakang akademik dan kemahiran yang berbeza," sabda Yang Teramat Mulia pada Upacara Perbarisan Tamat Latihan PKBN Pengambilan Ke-5 yang berlangsung di Padang Kawad, Kem Latihan Perkampungan Sukan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Pembentukan Alumni PKBN, sabda YTM adalah sangat relevan sebagai wadah untuk mewujudkan perpaduan dan pemangkin untuk menabur jasa serta bakti kepada raja, ugama, bangsa dan negara.

YTM berharap agar lepasan PKBN hari ini dan ahli-ahli Alumni PKBN akan sentiasa menjaga nama baik dan juga imej PKBN serta sama-sama berperanan memberikan sumbangan bermakna ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Ke muka 4

E-mel: pelita.brunei@information.gov.bn

Hotline: 2382891 / 2383400 Smb: 217

Faksimile: 2381004

Layari Laman Web: www.pelitabrunei.gov.bn

Generasi muda mesti diasuh dengan semangat tanggungjawab

Saya merasa gembira hadir pada hari ini di Majlis Perasmian Pembukaan Persidangan Isu-Isu Global Borneo (BGIC), Sekolah Antarabangsa Brunei (International School Brunei - ISB) Kali Ke-12 Tahun 2016.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada ISB kerana mencapai kejayaan hari ini, iaitu meraikan 12 tahun menjadi tuan rumah BGIC.

Forum bermula sebagai satu perhimpunan kecil pelajar pada tahun 2003 kepada forum dinamik, hari ini ia membawa bersama begitu ramai pelajar dari seluruh sekolah di Negara Brunei Darussalam.

Kepentingan tema yang dipilih pada tahun ini, 'Pendidikan Rendah Sejagat' (Universal Primary Education) mengingatkan kita tentang kepentingan hak asasi yang memberikan setiap kanak-kanak akses kepada sistem pendidikan yang baik.

Oleh itu, adalah penting anak-anak muda, kerajaan dan agensi-agensi diberikan kesedaran tentang bilangan kanak-kanak di seluruh dunia yang telah dinafikan hak asasi mereka yang akhirnya mempengaruhi berjuta-juta nyawa, pertumbuhan ekonomi serta kemakmuran.

Cabaran yang kita hadapi hari ini dan pada masa hadapan adalah bagaimana sebagai individu dan negara boleh bergerak ke hadapan dalam memastikan bahawa kedua-dua pendidikan asas dan berkualiti disediakan untuk setiap kanak-kanak oleh setiap badan kerajaan pada skala global.

Saya gembira untuk menyokong persidangan kendalian pelajar ini kerana ia menekankan peranan utama dan tanggungjawab belia di negara kita.

Baru-baru ini, Negara Brunei Darussalam menyambut Hari Kebangsaan Ke-32 Tahun dengan tema 'Generasi Berwawasan' di mana visi kita ialah ingin menjadi Negara Zikir.

Ia adalah sesuai bagi kita menekankan pentingnya bagaimana generasi kini bersama-sama dalam mencapai wawasan negara kita.

Orang-orang muda yang duduk di dalam dewan pada hari ini mempunyai potensi untuk membawa negara mereka ke masa depan yang lebih cerah. Walau bagaimanapun, untuk merealisasikan potensi mereka, kita perlu terus melabur ke arah mereka dalam memastikan bahawa mereka memang berpengetahuan dan sedar akan isu-isu serius yang dihadapi pemimpin-pemimpin dunia kita hari ini.

Dalam masa yang sama, kita perlu memperkasa generasi muda untuk memainkan



SABDA Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman pada Majlis Perasmian Pembukaan Persidangan Isu-Isu Global Borneo (BGIC), Sekolah Antarabangsa Brunei (International School Brunei - ISB) Kali Ke-12 pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 Hijrah bersamaan 5 Mac 2016 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa Brunei, Berakas.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Musmariani Haji Mohammad

peranan aktif dalam membentuk masa depan di samping isu-isu dunia yang berkaitan untuk mencapai pendidikan asas universal bagi semua. Kita mesti mengasuh semangat tanggungjawab mereka dan forum seperti ISB BGIC ini sangat membantu dan menggalakkan.

Dalam hal ini, saya berasa gembira bahawa pemimpin belia akan menguruskan lapan Jawatankuasa Alam Sekitar, Politik, Eco-Soc dan Hak Asasi Manusia serta pasukan Media.

Melalui penglibatan aktif tersebut dalam kerja rumit persidangan model gaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), perwakilan muda kita di sini hari ini perlu tepat

SAYA menyeru orang-orang muda untuk menyuarakan pendapat mereka, selain bersifat terbuka dalam membuat keputusan di samping mengambil masa untuk mempertimbangkan idea-idea dan keadaan orang lain. Mampu berfikir secara kritikal dengan cara yang prihatin adalah syarat utama untuk menjadi warga global yang bertanggungjawab.

mewakili negara mereka, memberikan mereka kefahaman tentang isu-isu serius yang dihadapi oleh pemimpin-pemimpin dunia kita di PBB.

Oleh itu, saya memuji orang-orang muda yang duduk di dalam dewan pada hari ini daripada pelbagai sekolah-sekolah kerajaan dan tempatan dari segenap pelosok Negara Brunei Darussalam, datang bersama untuk membincangkan cabaran-cabaran yang kita hadapi sebagai komuniti global.

Saya menyeru orang-orang muda untuk menyuarakan pendapat mereka, selain bersifat terbuka dalam membuat keputusan di samping mengambil masa untuk mempertimbangkan idea-idea dan keadaan orang lain.

Mampu berfikir secara kritikal dengan cara yang prihatin adalah syarat utama untuk menjadi warga global yang bertanggungjawab.

Mendidik anak-anak muda di luar bilik darjah dan sekolah, persidangan ini juga membina asas penting kemahiran hidup yang lain termasuk komunikasi, membuat keputusan, interaksi, sosial, membina keyakinan dan pembangunan watak.

Saya berharap semua perwakilan muda pada hari ini memahami bahawa latihan yang mereka jalani sekarang sebenarnya merupakan satu bahagian penting dalam persediaan mereka untuk masa depan.

Saya yakin bahawa Persidangan ISB yang diterima baik ini akan terbukti menjadi satu kejayaan besar dan saya ingin awda semua menyokong sepenuhnya dalam perbincangan dan kerja.

Dengan kalimah *Bismillahir Rahmanir Rahmim*, sukacitanya saya rasmikan pembukaan BGIC ISB Kali Ke-12 Tahun 2016.

Wabillahir Taufik Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang Pengarang.

16 MAC 2016 BERSAMAAN 1437 جمادى الآخر 7

LAPORAN PALSU GUGAT KETENTERAMAN AWAM

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) hari ini memasuki hari kesembilan dan telah pun meluluskan peruntukan bagi beberapa Kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya serta memberikan penghuraian kepada pelbagai isu yang telah disuarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Baru-baru ini terdapat artikel yang dikeluarkan oleh beberapa media cetak dan media sosial di negara ini yang memberikan gambaran bahawa terdapat kenyataan yang dibuat semasa perbincangan di dalam MMN yang memberikan anggapan seolah-olah pihak kerajaan bercadang untuk melaksanakan pengurangan gaji kepada kakitangan Perkhidmatan Awam di negara ini. Perkara ini telah menjadi perbualan hangat dan sedikit sebanyak telah menimbulkan gundah gulana dan spekulasi dalam kalangan para penjawat awam khususnya dan orang ramai umumnya.

Laporan sensasi sebegini tentunya telah menarik perhatian banyak pihak serta mendapat komen-komen negatif terutama di dalam media cetak dan media sosial. Berikutan itu, Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada 14 Mac 2016 telah mengeluarkan satu kenyataan menjelaskan perkara berkaitan dengan pengurangan gaji kakitangan Perkhidmatan Awam seperti yang dilaporkan dan menjelaskan bahawa perkara tersebut tidak pernah dibuat atau ditimbulkan dalam mana-mana sesi MMN pada tahun ini. Oleh itu, sebarang laporan mengenai pengurangan gaji kakitangan Perkhidmatan Awam adalah tidak tepat dan tidak berasas.

Pihak JPM juga sukacita menarik perhatian pihak media supaya lebih bertanggungjawab dalam memberikan liputan-liputan dengan memberikan laporan-laporan yang lebih tepat dan 'credible' bagi mengelakkan masyarakat tempatan dan antarabangsa keliru; dan membuat tanggapan dan liputan yang salah. Dalam pada itu, penerimaan dan penyebaran maklumat, pengguna-pengguna media cetak dan media sosial adalah diingatkan untuk memastikan maklumat yang diterima adalah betul dan bukannya dari sumber yang kurang tepat atau tidak sahih.

Perbuatan penyebaran maklumat sedemikian boleh diklasifikasikan sebagai jenayah fitnah boleh berlaku sama ada di alam nyata mahupun di alam siber, tambah-tambah lagi dengan adanya kecanggihan rangkaian media sosial membolehkan seseorang berinteraksi dan bertukar pendapat malah memberikan informasi dengan hanya menekan di hujung jari sahaja. Yang lebih buruk lagi informasi tersebut disebarkan daripada seorang kepada yang lain dan kemudiannya bertiti dan merebak dengan pantas serta meluas (viral).

Sebagai rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam yang amat kita cintai ini, semestilah kita sama-sama mempertahankan keamanan, kemakmuran, ketenteraman dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini akan lebih terpelihara dan terjamin lebih-lebih lagi dengan berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Setakat ini, alhamdulillah kos sara hidup di negara ini dalam keadaan terkawal termasuk pemberian perkhidmatan kesihatan dan pendidikan secara percuma serta skim perumahan kos rendah yang diberikan subsidi oleh kerajaan. Begitu juga dengan pemberian subsidi barangan keperluan asas seperti bekalan tenaga elektrik, air, bekalan gas, beras dan gula dan sebagainya untuk dinikmati oleh rakyat dan penduduk negara ini secara berpatutan sama ada mereka yang dalam Perkhidmatan Awam ataupun sebaliknya masih ditahap yang rendah berbanding dengan negara-negara lain.

Langkah-langkah yang telah diambil ini menggambarkan bukan sahaja keprihatinan kerajaan tetapi juga kemurahan dan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memastikan kebajikan seluruh rakyat dan penduduk di negara ini terpelihara.

Oleh itu, kenyataan yang boleh memporak-perandakan perpaduan negara ini boleh kita tepis dengan berutapan fakta-fakta atau projek dan inisiatif yang dirancang oleh pihak kerajaan dengan sokongan dan kesepaduan sektor awam, swasta dan rakyat serta penduduk negara ini keseluruhannya. Jadikanlah ia sebagai penawar dan azimat dalam mengharungi cabaran masa kini di samping berbekalkan usaha padu dan penuh kesabaran berteraskan Melayu Islam Beraja dan akan berterusan menjadi sebuah negara yang aman makmur, dengan mendapat keredaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Pengampun.

Marilah kita menanamkan sikap berhati-hati, berfikir bukan hanya sekali tetapi berkali-kali dengan menggunakan pertimbangan akal yang baik dan wajar dalam menerima dan apatah lagi menyebarkan berita yang belum tentu kesahihannya kerana ia boleh menyebabkan huru-hara, permusuhan, perbalahan kepada masyarakat dan negara. Sama-samalah kita berdoa semoga kita terpelihara dan sentiasa dalam perlindungan dan mendapat petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal'alamin.

- Ketua Penyuntingan (Nh).

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Marlinawaty Hussin,
Ak. Syt'aruddin Pg. Dauddin

Ketua Bahagian Pelita Brunei

Sastra Sarini Haji Julaini

Ketua Penyuntingan

Hajah Zabaidah Haji Salat,
Mohammad Rainie Haji Durani,
Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar,
Noriah Haji Abdul Hamid

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Penyuntingan

Samle Haji Jait,
Nor Hanizah Haji Abd. Halim,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Chafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Mohammad bin Kahar

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Nornasyirah Nordin,
Muhammad Hafizhuddin Tasad

Ramalan Cuaca Tiga Hari		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN		
 31°C / 26°C	 32°C / 26°C	 32°C / 26°C
MUARA		
 31°C / 26°C	 32°C / 26°C	 32°C / 26°C
PEKAN BANDAR		
 30°C / 26°C	 32°C / 26°C	 31°C / 26°C
PEKAN TUTONG		
 31°C / 26°C	 32°C / 26°C	 31°C / 26°C
PEKAN SERIA		
 31°C / 26°C	 31°C / 26°C	 32°C / 26°C
KUALA BELAIT		
 31°C / 26°C	 31°C / 26°C	 32°C / 26°C
Wallaahuallam Bissawab		
Sumber: JABATAN RAJACUACA BRUNEI DARUSSALAM KEMENTERIAN PERBURUKAN Telefon: 2345567 Talian Cuaca: 134		

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Berangkat ke Upacara Perbarisan Tamat Latihan PKBN



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan mengurniakan sabda pada Upacara Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-5.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Mac. - Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) hari ini melakar sejarah bagi seramai 286 pelatih Pengambilan Ke-5 apabila berjaya menamatkan latihan selama 12 minggu yang bermula sejak bulan Disember 2015 lalu.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Upacara Perbarisan Tamat Latihan PKBN yang berlangsung di Padang Kawad, Kem Latihan Perkampungan Sukan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Upacara dimulakan dengan Perbarisan Hormat Panglima daripada para pelatih PKBN Pengambilan Ke-5 dan seterusnya YTM dijunjung memeriksa perbarisan tamat latihan yang terdiri daripada seramai 286 pelatih melibatkan 190 pelatih lelaki dan 96 pelatih perempuan.

Kemudian diikuti dengan persembahan perbarisan gerak perlahan dan gerak cepat daripada para pelatih diiringi oleh Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Ke muka 4



YANG Teramat Mulia ketika berkenan memeriksa perbarisan tamat latihan terdiri daripada seramai 286 pelatih.

Oleh : Aimi Sani, Shazanna Khairunnisa Abu Bakar
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Masmaleh
Haji Mohd. Ali



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menyampaikan piala kepada Pelatih Lelaki Terbaik Keseluruhan, 10873 Muhammad Nur Amin bin Morshidi (atas) dan kepada Pelatih Perempuan Terbaik Keseluruhan, 10967 Alana binti Pergi (bawah).



YTM berkenan mendengarkan sembah penerangan semasa melawat Pameran PKBN.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ketika berkenan bergambar ramai bersama 286 pelatih PKBN Pengambilan Ke-5.

Dari muka 3

Pada upacara tersebut, YTM juga berkenan mengurniakan sabda dan seterusnya menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pelatih yang mencapai kecemerlangan dalam PKBN kali ini.

Pelatih Terbaik Lelaki Keseluruhan diterima oleh Pelatih 10873 Muhammad Nur Amin bin Morshidi, manakala Pelatih Terbaik Perempuan Keseluruhan diraih oleh 10967 Alana binti Pergi.

Sementara itu, 10929 Muhammad Nurrasyid bin Jafar pula dipilih sebagai Pelatih Lelaki Terbaik Kawad, manakala 10853 Dayangku Siti Aishah binti Pengiran Haji Md. Ali ialah Pelatih Perempuan Terbaik Kawad.

Manakala Pelatih Lelaki Terbaik Jasmani pula diberikan kepada 10868 Mohammad Hamizul Fakhri bin Hamioldzam dan Pelatih Perempuan Terbaik Jasmani pula diraih oleh 10847 Siti Saimah @ Siti Nafsiyah binti Sijim.

Dari Padang Kawad, YTM seterusnya dijunjung berangkat ke Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah bagi menyaksikan Pameran Mini Galeri Alumni PKBN.

YTM kemudiannya dijunjung menandatangani buku Lembaran Kenangan dan seterusnya menerima pesambah.

Sebelum meninggalkan upacara itu, YTM juga berkenan beramah mesra dan bergambar ramai bersama para pelatih dan ibu bapa / penjaga pelatih.

Juga hadir ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud dan Ahli-ahli Task Force PKBN.

Upacara Perbarisan Tamat Latihan itu menandakan berakhirnya PKBN Pengambilan Ke-5 yang bermula pada 6 Disember 2015.

PKBN merupakan di antara Program Pembangunan Belia yang antara lain menyumbang ke arah pembangunan modal insan pada menjayakan matlamat pembangunan negara.



YANG Teramat Mulia ketika berkenan menerima pesambah.

Kurikulum PKBN mampu buka mata, minda belia

Dari muka 1

Terdahulu dalam sabdanya, YTM melahirkan harapan agar lebih ramai belia tampil menyertai PKBN dengan disertai oleh galakan dan sokongan yang berterusan daripada para ibu bapa, keluarga, guru-guru, rakan-rakan dan masyarakat, lebih-lebih pula apabila program ini dilaksanakan nanti di Kem Latihan PKBN yang baharu di Daerah

Temburong.

Semua lapisan masyarakat, sabda YTM perlu sedar bahawa golongan muda seperti mereka ini harus diperlengkapkan dengan ilmu pengetahuan dan kefahaman dengan pengisian jati diri yang betul dan mantap bagi bekalan mereka untuk mampu menghadapi cabaran mendatang.

Dengan bimbingan sewajarnya tambah sabda YTM, kesedaran diri akan terbentuk dan nilai-nilai murni akan dapat disuburkan dan disalurkan ke arah kebaikan.

Pada upacara itu, YTM juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada 286 orang pelatih PKBN Pengambilan Ke-5 yang berjaya menamatkan latihan selama 100 hari di kem tersebut.

Sesungguhnya kejayaan mereka ini sabda YTM, diharapkan akan dapat memupuk semangat juang serta keyakinan dan keazaman yang tinggi untuk terus melakar kehidupan yang lebih bermakna seperti selari dengan mutu kawad dan penampilan kemas pelatih-pelatih tunjukkan pada pagi ini dan juga yang pernah dipamerkan dalam Perbarisan Lalu Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-32 baru-baru ini.

Justeru itu, sabda YTM, PKBN adalah satu program yang memang

sangat diberikan perhatian oleh paduka ayahanda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, lebih-lebih lagi PKBN memang menitikberatkan penglibatan para belia yang merupakan pemangkin dan ejen kemajuan dan kemakmuran negara.

"Malah perkara ini juga pernah disentuh oleh paduka ayahanda semasa Sambutan Hari Belia Kebangsaan Tahun 2015 : Menyebut belia ejen masyarakat, adalah penting bagi mereka itu untuk memiliki jati diri dan sikap yang mantap. Kerana tanpa jati diri dan sikap, seorang belia itu tidak akan dipandang hebat," sabda YTM.

Dalam mengakhiri sabda, YTM mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga kerja Bahagian PKBN, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan khususnya para pegawai, kakitangan serta lepasan pelatih yang terlibat atas segala usaha dan tenaga yang disumbangkan dalam melatih dan mendidik pelatih-pelatih PKBN Pengambilan Ke-5 hingga berjaya menamatkan latihan pada hari ini.



YTM berkenan bergambar ramai bersama keluarga dan pelatih PKBN Pengambilan Ke-5.



PELATIH-pelatih PKBN menadah tangan tanda rasa syukur setelah berjaya menamatkan latihan.

Gerhana tanda kekuasaan, kebesaran Allah



YANG Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Datu Paduka Awang Haji Othman (lima, kiri) dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (enam, kiri), hadir menyertai Sembahyang Sunat Gerhana Matahari di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Majlis Khatam Al-Quran raikan pelatih PKBN

Oleh : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 11 Mac. - Kejayaan menamatkan pengajian membaca Al-Quran memberi inspirasi kepada pelatih-pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-5 untuk mencipta kecemerlangan dan meneruskan amalan-amalan pengukuhan kekuatan rohani sebagai benteng dari melakukan perkara-perkara yang dilarang agama.

Sehubungan itu, bagi meraikan kejayaan pelatih-pelatih tersebut, satu Majlis Khatam Al-Quran diadakan di Masjid Perpindahan Kampung Lambak Kanan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff dan isteri, Datin Dayang Hajah Kalshom binti Haji Suhaili.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dato Paduka Dr. Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan isteri; Timbalan Setiausaha Tetap KKBS, Awang Haji Mohd. Noor Jusmin Haji Abdul Samad dan isteri, Ketua-Ketua Jabatan serta pegawai-pegawai kanan KKBS, Jawatankuasa Takmir Masjid Perpindahan Lambak Kanan dan ibu bapa serta penjaga para pelatih.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat dan disusuli dengan bacaan khatam Al-Quran oleh para pelatih.

Majlis turut diserikan dengan bacaan Dikir Syarafil Anam. Tetamu kehormat dan isteri seterusnya menyampaikan sijil-sijil kepada para pelatih.

Majlis Khatam Al-Quran ini adalah kemuncak kepada pembelajaran kurikulum keroanian dan keagamaan PKBN yang antara lain bertujuan bagi menanamkan budaya membaca dan menghayati bacaan Al-Quran dalam diri pelatih-pelatih pada usia remaja mereka, di samping menggalakkan para pelatih untuk menguasai segenap bidang ilmu pengetahuan.

Pelatih-pelatih PKBN Pengambilan Ke-5 berkenaan telah memulakan latihan pada 6 Disember 2015 yang lalu dan akan menamatkan latihan pada 14 Mac ini.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi, Mohammad Fakhri Jamil
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 Mac. - Segelintir masyarakat kita masih mempunyai anggapan keliru terhadap peristiwa Gerhana Matahari dan Bulan. Mereka masih cenderung menghubungkan peristiwa gerhana dengan kepercayaan adat atau ramalan yang kurang elok.

Hakikatnya perkara itu tidak ada kaitan dengan kejadian gerhana tersebut dan menganggap kejadian gerhana sebagai satu petanda akan terjadinya satu bencana buruk seperti berlakunya peperangan yang sama sekali tidak benar dan tidak sesuai dengan ajaran Islam.

Pemangku Pegawai Ugama Kanan, Awang Haji Haris bin Haji Subuh menyampaikan perkara itu dalam Khutbah Gerhana Matahari yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, di sini.

Gerhana katanya, merupakan salah satu fenomena alam dan kejadian itu adalah sebagai tanda kebesaran dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala.

"Terjadinya fenomena alam seperti gerhana dan sebagainya membuktikan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala Maha Berkuasa menjadikan sesuatu itu dengan kehendaknya," ujarnya.

Inti pati khutbah juga menyatakan antara lain maksud hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang

bermaksud, matahari dan bulan tidak akan gerhana kerana kematian atau hidupnya seseorang akan tetapi, keduanya itu adalah bukti daripada tanda-tanda kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala. Maka apabila kamu melihat gerhana itu maka bersembahyanglah.

Dengan terjadinya peristiwa gerhana ini, tambahnya, masyarakat Islam hendaklah menjadikan ia sebagai satu iktibar dengan pengajaran untuk mengingatkan kesedaran diri supaya selalu ingat akan kebesaran dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Kemudian memohon ampun atas segala dosa dan bertaubatlah kepadanya. Kita juga dianjurkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk melakukan perkara-perkara yang berkebaikan seperti berdoa, berzikir, istighfar, sembahyang dan bersedekah ketika terjadinya gerhana.

Mengingati Allah merupakan amalan yang agung serta penyebab diturunkan pelbagai rezeki dan nikmat kurnia daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan ia juga dianggap sebagai pendinding atau benteng daripada terjadinya bala dan maksiat yang tidak diingini.

Amalan berzikir itu mempunyai manfaat yang sangat besar sama ada di dalam kehidupan duniawi

mahupun ukhrawi.

Sementara itu, dalam amalan bersedekah, umat Islam digalakkan untuk memperbanyakkan amalan bersedekah kerana amalan itu mempunyai banyak kelebihan yang terkandung dalamnya.

"Perlu kita ketahui amalan bersedekah adalah satu amalan yang mulia dan dipandang tinggi di sisi Allah dan segala harta yang kita salurkan melalui sedekah tidak akan sesekali menyebabkan kita jatuh fakir atau miskin. Sebaliknya Allah Subhanahu Wata'ala akan melipatgandakan pahala bagi orang-orang yang melakukan amalan bersedekah.

Manakala beristighfar dan mengingati Allah Subhanahu Wata'ala ini adalah amalan yang amat disukai oleh Allah," katanya.

Khutbah tersebut juga menyeru semua umat Islam untuk sentiasa menyedari betapa kerdilnya kita disisi Allah kerana Dialah yang mengawal dan menggerakkan segala benda yang dicipta-Nya dengan umat sempurna dan tertib yang membuktikan kemampuan manusia itu tidak dapat melangkaui batasan kuasa Allah Subhanahu Wata'ala.

"Akhirnya marilah kita sama-sama meningkatkan amal kebajikan dan menghindari daripada melakukan perkara-perkara yang mungkar dan maksiat serta perbuatan syirik yang bercanggah dengan ajaran agama Islam. Mudah-mudahan kejadian gerhana ini akan menimbulkan keinsafan, menambah serta menguatkan lagi keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala," ujarnya.

Hadir sama menunaikan Sembahyang Sunat Gerhana Matahari ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Juga hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan pegawai-pegawai kerajaan serta para pelajar institut pengajian tinggi.

Terdahulu, Pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama Ser i Begawan, Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar menyampaikan tazkirah mengenai kejadian gerhana dan sembahyang sunat pula diimamkan oleh Yang Dimulihkan Pehin Khatib Awang Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz.

Al-Muflihun, Miftahul Asar juara hadrah

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 6 Mac. - Kumpulan Al-Muflihun dan Miftahul Asar diumumkan sebagai pemenang setelah masing-masing berjaya menjuarai pertandingan hadrah bagi Kumpulan Belia-Belia Masjid Daerah Brunei dan Muara dalam Kategori Lagu Wajib dan Lagu Gubahan yang telah diadakan di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Juara lagu wajib, Al-Muflihun yang mendendangkan lagu 'Sultan' mengalahkan tujuh kumpulan lain dengan mengutip 84.8 peratus sekali gus menempatkan kumpulan Miftahul Asar naib juara dan KUPU SB ditempat ketiga. Maisng-masing mengutip 79.6 dan 78.1 peratus.

Al-Muflihun juga merangkul piala pusingan pertandingan anjuran Ahli

Jawatankuasa Takmir Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Mukim Tamoi.

Sementara, Miftahul Asar dinobatkan bagi memenangi Kategori Lagu Gubahan yang berjudul 'Negara Brunei' dengan 81.5 peratus.

Para pemenang berjaya membawa pulang piala, wang tunai dan sijil penyertaan.

Hadir menyampaikan hadiah kepada para pemenang yang diadakan di Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Mukim Tamoi ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dato Paduka Dr. Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji

Abidin.

Ketua Imam masjid tersebut, Awang Faizal bin Rosli @ Janif yang juga selaku Pengerusi pertandingan dalam alu-aluannya antara lain berkata, pertandingan itu bagi menyemarakkan lagi Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanil Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69 Tahun sekali gus memberi ruang kepada para belia untuk terus giat dalam kegiatan hadrah ini.

Awang Faizal juga mengucapkan tahniah kepada para peserta dan seterusnya menyarankan mereka agar dapat berusaha lagi untuk memperbaiki persembahan pada masa akan datang dan berharap agar para belia akan lebih bergiat dalam mana-mana kegiatan anjuran masjid dalam menyarankan mereka untuk sentiasa ke masjid.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (kiri) menyampaikan piala kemenangan kepada Kumpulan Muflihun yang menjuarai Pertandingan Hadrah bagi Kategori Lagu Wajib.

Pemenang Minda Pembaca!



Budaya membaca melahirkan generasi berwawasan

BAHAN bacaan perlulah dijadikan sebagai sahabat kerana banyak manfaat yang dapat kita peroleh dengan membaca. Budaya membaca amat penting untuk membentuk minda seseorang khususnya pelajar. Para pelajar perlu didedahkan dengan bahan bacaan yang bermutu untuk melahirkan generasi yang akan menjadi pemimpin negara pada masa hadapan selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Membaca memang tidak diragukan lagi dapat meluaskan ilmu pengetahuan kita. Minda kita akan sentiasa bergerak memproses apa yang dibaca. Maka membaca dapat meningkatkan daya fikiran kita dan membuatkan kita sentiasa proaktif dan sentiasa menganalisis setiap bacaan. Dengan membanyakkan membaca, kita dapat mengasah kemahiran dalam percakapan dan penulisan. Percakapan kita akan menjadi semakin lancar kerana perbendaharaan kata kita semakin meluas. Kemahiran dalam penulisan semakin meningkat kerana adanya idea yang

mencurah-curah.

Bahan bacaan yang bermutu seperti surat khabar dapat meningkatkan kualiti hidup seseorang jika kita sentiasa peka dengan bacaan mengenai keadaan semasa. Kita akan tahu apa yang berlaku di sekeliling kita dan berfikir tindakan apa yang perlu dilakukan seperti mengikuti satu aktiviti sukarelawan untuk menolong mangsa bencana alam.

Secara keseluruhan, dengan membaca keyakinan diri kita akan semakin meningkat dan kita akan sentiasa berani untuk menangani apa jua cabaran sepertimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-32, Tahun 2016 pada 13 Jamadilawal 1437 Hijrah / 22 Februari 2016 Masihi, "Generasi Berwawasan ialah mereka yang bijak menangani apa jua cabaran, dan menjadikan cabaran itu sebagai peluang-peluang atau 'opportunities' untuk meningkatkan lagi kesejahteraan hidup bernegara."

Nama : Nur Aziemah Izzati binti Haji Kamaludin

No. K/P : 01-077094 (K)

Alamat : No. 2, Simpang 396-93-150, Kampung Jerudong, Negara Brunei Darussalam, BG3122.

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kebaikan Melancong Di Negara Sendiri'. Tarikh Tutup : 16 Mac 2016.
2. 'Pengusaha Tempatan Perlu Bijak Terokai Pasaran Antarabangsa'. Tarikh Tutup : 23 Mac 2016.
3. 'Hayati MIB Sebagai Cara Hidup'. Tarikh Tutup : 30 Mac 2016.

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan **15 hingga 25 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca
Unit PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
 atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

4. Sebanyak satu penyertaan terbaik akan disiarkan dalam **Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI** dan akan menerima hadiah wang tunai sebanyak **BND75.00**.

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang e-mel ke: pelita.brunei@information.gov.bn



"PERUMPAMAAN orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah samalah seperti (menanam) sebijik benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, tiap-tiap satu tangkai pula mengandungi seratus biji. Dan Allah menggandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Luas (rahmat dan limpah kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui." (Surah Al-Baqarah, ayat 261).

Cintailah dunia, tetapi tidak keterlaluan dan terlampau sehinggakan melupakan Allah Subhanahu Wata'ala dan akhirat. Harta di dunia ini boleh mendorong pemiliknya untuk membuat pilihan sama ada untuk menuju lorong ke syurga atau neraka. Dunia diciptakan untuk kita meraih pahala dan sebagai bekalan kita di akhirat kelak. Pepatah yang sering kali kita dengar menanam di dunia menuai di akhirat, marilah kita ikuti saranan ini, tidak semestinya kita cintakan dunia terhadap kekayaan maka kita terus membelakangi kepentingan di akhirat kelak. Cintakan dunia dengan kekayaan yang kita miliki dan dengan kekayaan itu kita berlumba-lumba meraih sebanyak mungkin pahala yang akan dijadikan amal jariah kita berpanjangan di sepanjang hayat sehingga meninggalkan dunia.

Memiliki harta kekayaan membuka peluang yang amat luas sekiranya kita dengan kebijanya melaburkan harta ke jalan yang diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Terdapat beberapa amalan yang menjanjikan ganjaran pahala yang besar dan amat beruntung pada diri sendiri. Marilah kita huluskan dan laburkan harta kekayaan kita pada perkara-perkara yang berkebaikan dan memborong pahala untuk kepentingan di akhirat seperti :

Menuai saham untuk akhirat

- Membina masjid;
- Membela anak yatim;
- Projek air bersih untuk masyarakat;
- Menjamu makan;
- Membantu ibu tunggal yang kesusahan;
- Meminjamkan wang;
- Menolong seseorang dalam kesusahan;
- Menunaikan umrah pada bulan Ramadan;
- Membebaskan hutang;
- Menaja berbuka puasa;
- Banyak bersedekah terutama pada bulan Ramadan;
- Membelanjakan harta untuk ibadah haji; dan
- Menyembelih haiwan korban.

"(Iaitu) orang-orang yang tidak dilalaikan oleh perniagaan dan tidak juga oleh jual beli daripada mengingat Allah, dan daripada mendirikan sembahyang serta membayar zakat, mereka takutkan Hari (Kiamat) yang padanya hati dan pandangan berbolak-balik (disebabkan huru-hara Hari Kiamat itu)." (Surah an-Nur, ayat 37).

Orang yang mengejar dunia dengan mencari harta dunia dan mencari pangkat dan kedudukan sekiranya ia melupakan akhirat semasa ia mencarinya dan tidak peduli halal atau haram atau merampas hak orang lain, sebenarnya ia sedang dikuasai oleh kemewahan dunia dan akan hanyut dibawa arus kebinasaan. Tetapi sekiranya seseorang mencari harta di dunia ini dengan mengikut peraturan Allah Subhanahu Wata'ala dan tidak melupakan kewajipan terhadap-Nya, tidak menipu, menindas, mengambil rasuah dan tidak mengambil hak orang lain maka harta itu akan membawa keberkatan dan disalurkan pula harta itu untuk zakat, sedekah jariah, infaq di jalan Allah dan membantu faqir miskin, maka harta itu sebagai alat yang akan membantunya mendapat keredaan Allah dan akan menjadi saham akhirat.

Sampel kualiti air, sedimen

Siaran Akhbar : Jabatan Laut

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Mac. - Jabatan Laut ingin memperingatkan kepada pelaut-pelaut bahawa kerja-kerja pengambilan sampel kualiti air dan sedimen akan dilaksanakan di kawasan perairan Sungai Kedayan, Sungai Brunei, perairan Negara Brunei Darussalam yang akan bermula pada 8 Mac hingga 1 September 2016 dan ia akan menyebabkan pembatasan pada keselamatan pelayaran.

Kerja-kerja tersebut akan dilaksanakan oleh Jabatan Saliran dan Pembetulan (Syarikat DHI Water and Environment (B) Sdn. Bhd.), Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Antara kawasan longgokan yang terlibat ialah :

- Kawasan 1. Datum WGS 84 04° 53' 31.98" N dan 114° 56' 08.25" E;
- Kawasan 2. Datum WGS 84 04° 53' 29.91" N dan 114° 56' 09.01" E;
- Kawasan 3. Datum WGS 84 04° 53' 24.25" N dan 114° 56' 11.15" E;
- Kawasan 4. Datum WGS 84 04° 53' 16.62" N dan 114° 56' 12.11" E;
- Kawasan 5. Datum WGS 84 04° 53' 15.48" N dan 114° 56' 12.31" E;
- Kawasan 6. Datum WGS 84 04° 53' 10.79" N dan 114° 56' 14.94" E;
- Kawasan 7. Datum WGS 84 04° 53' 07.60" N dan 114° 56' 20.27" E;
- Kawasan 8. Datum WGS 84 04° 53' 08.82" N dan 114° 56' 22.83" E; dan
- Kawasan 9. Datum WGS 84 04° 53' 03.85" N dan 114° 56' 21.85" E.

Kerja-kerja pengambilan sampel kualiti air dan sedimen tersebut akan dilaksanakan secara harian di kawasan yang dinyatakan dan kerja-kerja berkenaan akan diadakan pada waktu siang hari sahaja dengan menggunakan bot yang terlibat, iaitu Victoria Jacoba (B 2385).

Sementara isyarat amaran akan disediakan di mana bot tersebut akan mempamerkan pemasangan bendera bagi kerja-kerja penyelidikan dan isyarat semboyan hon akan digunakan semasa kecemasan. Boya marin juga akan dipasang bagi menandakan tempat-tempat penyelidikan.

Sehubungan itu, pelaut-pelaut adalah diingatkan untuk berlayar dengan berhati-hati dan menjauhi diri dalam jarak yang selamat dari kawasan operasi dan mengamalkan sifat-sifat kepelautan yang terbaik ketika berada di dalam kawasan operasi tersebut.

Mana-mana kapal dikehendaki untuk menjauhi diri (50 meter) dari tempat operasi dan bagi rujukan mereka yang berkepentingan sila rujuk peta laut BA 2134.

Pencapaian RKN10 (2012-2017)

Sektor Perkhidmatan Sosial

Bahagian 2 : Hal Ehwal Ugama - Masjid

Oleh:
Jabatan Perancangan dan
Kemajuan Ekonomi

PENGENALAN

DI bawah Sektor Perkhidmatan Sosial, projek-projek Sub-Sektor Hal Ehwal Ugama mempunyai peranan penting dalam menjaga kesejahteraan rakyat dan mendukung hasrat negara supaya dikenali sebagai sebuah Negara Zikir dan Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur. Antara usaha-usaha pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah mendukung hasrat tersebut ialah dengan membina masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara. Pembinaan masjid-masjid ini adalah sebagai lambang syiar Islam negara ini.

Selaras dengan titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1434 Hijrah / 2013 Masihi :

"...Kita mengharapkan dengan pembinaan masjid-masjid ini, di samping akan menambahkan lagi kemudahan untuk beribadat, ia juga berperanan untuk menjadi pusat kegiatan ummah dan tidak terkecuali sebagai tempat pengembangan ilmu secara berterusan.

Sehubungan itu, sebagai pusat kegiatan bagi kebajikan dan tempat pengembangan ilmu, masjid-masjid



MASJID Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang dapat menampung 2,400 jemaah.

juga jangan dilupakan, merupakan syiar dan mercu tanda utama bagi negara ini. Selaku syiar dan mercu tanda, ia tidak boleh malap dan lemah, bahkan tidaklah memadai setakat mendirikananya semata-mata tanpa mengambil kira reka bentuk yang sesuai selaku syiar..."

PEMBINAAN MASJID-MASJID BAHARU

Di bawah RKN10, sebanyak enam buah masjid baharu telah siap dibina dengan harga kontrak berjumlah BND18.1 juta. Dengan berkonsepkan falsafah Melayu Islam Beraja, reka bentuk pembinaan masjid-masjid ini adalah berunsurkan keislaman dan keBruneian. Enam buah masjid baharu yang telah siap dibina itu ialah Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang; Masjid Pengiran Muda Abdul Mateen, Kampung Mulaut; Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas; Masjid Rashidah Sa'adatul

Bolkiah, Kampung Sungai Akar; Masjid Jefri Bolkiah, Kampung Batong; dan Masjid Pengiran Muda Abdul Malik, Kampung Tungku / Katok.

Pembinaan masjid-masjid baharu ini telah dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas seperti dewan sembahyang lelaki dan perempuan, bilik pegawai hal ehwal masjid, bilik serbaguna, bilik tetamu khas, bilik perpustakaan dan IT, bilik kuliah, bilik PA sistem, bilik stor, bilik pengurusan jenazah, dapur serta bilik air tempat berwuduk yang berasingan bagi jemaah lelaki dan perempuan serta kawasan letak kereta.

Pembinaan masjid-masjid baharu ini diharapkan dapat memberikan keselesaan kepada penduduk kampung atau jemaah menunaikan sembahyang fardu lima waktu dan Sembahyang Jumaat khususnya masjid-masjid berdekatan yang mengalami kepadatan. Ia juga dihasratkan untuk digunakan oleh penduduk melakukan amal ibadat dan kegiatan-kegiatan

Masjid	Peruntukan RKN10 (BND Juta)	Tarikh dirasmikan
Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas	3.1	20 Julai 2012
Masjid Pengiran Muda Abdul Malik, Kampung Tungku / Katok	2.9	27 Julai 2012
Masjid Pengiran Muda Abdul Mateen, Kampung Mulaut	3.5	3 Ogos 2012
Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar	3.2	19 Julai 2013
Masjid Jefri Bolkiah, Kampung Batong	2.0	26 Julai 2013
Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang	3.4	18 Julai 2014



MASJID Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas dapat menampung 1,000 jemaah.



MASJID Jefri Bolkiah, Kampung Batong dapat menampung 800 jemaah.



MASJID Pengiran Muda Abdul Malik, Kampung Tungku / Katok dapat menampung 1,000 jemaah.



MASJID Pengiran Muda Abdul Mateen, Kampung Mulaut dapat menampung 1,600 jemaah.



MASJID Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar dapat menampung 1,000 jemaah.

keagamaan lain seperti kuliah-kuliah, ceramah agama, Kelas Al-Quran dan Muqaddam, berzikir, Ratib Al-Attas di samping bagi meningkatkan dan mengembangkan syiar Islam di kampung-kampung berkenaan dan di negara ini amnya. Di samping itu, pembinaan masjid-masjid ini juga akan memudahkan masyarakat Islam menunaikan kewajipan fardu kifayah seperti pengurusan jenazah. Sehingga tahun 2015, sebanyak 117 buah masjid, surau dan balai ibadat telah pun dibangunkan di seluruh negara.

PENUTUP

Sebagai sebuah negara Islam, penyediaan prasarana seperti masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat adalah merupakan satu langkah tepat pihak kerajaan bagi menzahirkan dan mendukung pelaksanaan falsafah Negara Zikir di negara ini. Penduduk Islam di negara ini juga diharap akan dapat memelihara, memanfaatkan dan menghargai segala kemudahan-kemudahan yang disediakan ini dengan sebaik-baiknya. Dalam hubungan ini, penduduk Islam di negara ini juga adalah diseru untuk sama-sama mengimarahkan masjid bagi menzahirkan syiar Islam dan berpegang teguh kepada nilai Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah, Mazhaf Syafie bagi mencapai kualiti hidup yang tinggi.

Majlis Khatam raikan peserta Kelas Murattal MRSB

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Mac. - Seramai 13 peserta Kelas Murattal Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB), Kampung Sungai Akar diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran setelah berjaya menamatkan pembacaan 30 juz Al-Quran.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, selaku Penaung Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir MRSB.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud serta penduduk sekitar kampung berkenaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Ummul Kitab, Surah Al-Fatihah diikuti dengan bacaan Surah Ad-Dhuha hingga Surah an-Naas dari peserta khatam.

Selain Takhtim dan Dikir Marhaban, majlis juga diselenggarakan dengan perasmian logo masjid tersebut hasil reka cipta, Awang Haji Hasbullah bin Haji Awang Damit.

Dalam memperingati jasa bakti, AJK Takmir Masjid juga telah membuat sumbangan dana ihsan kepada Awang Haji Kadir bin Marsat yang pernah berkhidmat di masjid itu.

AJK Takmir Masjid dalam perancangan masa depan akan membuat aktiviti berkebadikan

dengan mengubah suai kediaman salah seorang penduduk di kampung itu yang berkeadaan tidak selamat untuk didiami.

Visi MRSB adalah untuk mengembang majukan serta memakmurkan masjid tersebut sebagai pusat peribadatan, ilmu pengetahuan dan kegiatan ummah di mukim masjid melalui perancangan dan pengurusan yang berkesan dan dinamik bagi melahirkan insan yang beriman, bertakwa dan berilmu berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah menurut Ahli Sunnah Waljamaah Mazhab Syafie.



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, selaku Penaung Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (depan, empat dari kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran.

Penyertaan Musabaqah Tilawatil Quran dibuka

Siaran Akhbar :
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Mac. - Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) akan menganjurkan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1437 Hijrah / 2016 Masihi Peringkat Saringan pada 12 hingga 16 April 2016.

Penyertaan musabaqah tersebut

dibukakan kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap yang memegang kad pintar berwarna ungu serta tidak memegang pasport negara-negara asing.

Para peserta hendaklah berumur di antara 15 hingga 25 tahun yang

lahir di antara 1 Januari 1991 hingga 31 Disember 2001.

Selain itu, syarat penyertaan juga adalah tidak menyertai mana-mana pertandingan seperti Musabaqah Tilawatil Quran Peringkat Akhir Kebangsaan Dewasa anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama, Majlis Tilawah Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa anjuran Kerajaan Malaysia atau tidak pernah menjadi johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara anjuran KKBS.

Borang penyertaan boleh didapati di Bahagian Belia, Tingkat 3, JBS, Bangunan KKBS dan cawangan-cawangan JBS di daerah-daerah pada waktu bekerja.

Tarikh tutup mengemalakan borang penyertaan ialah pada hari Khamis, 31 Mac 2016 sebelum pukul 4.30 petang.

Untuk mendapatkan keterangan lanjut, sila hubungi urus setia musabaqah melalui talian +673 2381903 / 4 / 5 sambungan 1301 atau 1312.

Awas! Jangan dekati riba: "Saya boleh menghutangkan kepada tuan, tetapi dengan syarat....."

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Pendahuluan

Islam amat menggalakkan, malahan menyuruh kita semua supaya sentiasa membuat kebaikan kepada orang lain, apatah lagi kepada orang-orang yang memerlukan bantuan atau pertolongan. Bentuk bantuan atau pertolongan itu boleh dibuat dan dihulurkan dengan pelbagai cara yang munasabah berdasarkan kemampuan masing-masing. Antara bentuknya ialah memberi pinjaman atau menghutangkan sesuatu kepada orang yang dalam kesempitan wang, makanan dan sebagainya.

Menghutangkan atau memberi pinjaman kepada orang lain hukumnya adalah sunat yang sangat dituntut (*sunat mu'akkadah*). Sama ada orang yang diberi hutang (penghutang) itu terdiri daripada orang Islam ataupun bukan Islam. Hukum tersebut adalah berdasarkan beberapa dalil umum yang menggalakkan kita supaya membuat kebaikan kepada orang lain. Antaranya firman Allah Ta'ala:

Tafsirnya : "Dan lakukanlah kebaikan supaya kamu beroleh kemenangan."

(Surah al-Hajj, ayat 77)

Dalam hadits pula, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Sesiapa yang menghilangkan atau melapangkan suatu kesusahan seorang mukmin di antara kesusahan-kesusahannya

di dunia, maka Allah akan menghilangkan atau melapangkan suatu kesusahan di antara kesusahan-kesusahannya pada Hari Kiamat. Sesiapa yang memberikan kemudahan kepada orang yang dalam kesulitan, maka Allah akan memberinya kemudahan di dunia dan akhirat."

(Hadis riwayat Muslim, Abu Daud dan at-Tirmidzi)

Namun hukum sunat tersebut boleh berubah kepada hukum lain mengikut keadaan atau situasi yang berlaku sebagaimana berikut :

* **Wajib** : Bagi orang yang mempunyai kemampuan, apabila datang kepadanya seseorang yang dalam keadaan terdesak atau amat memerlukan untuk berhutang sesuatu, maka pada ketika itu wajib ke atas pemiutang memberi pinjaman atau menghutangkan orang tersebut.

Sebagai contoh, orang miskin yang memerlukan duit untuk membeli makanan. Jika dia datang kepada seorang yang berkemampuan untuk berhutang duit atau makanan, maka dalam situasi begitu wajib ke atas orang yang berkemampuan itu memberi hutang kepada orang miskin tersebut.

* **Haram** : Bagi orang yang mempunyai kemampuan, apabila datang kepadanya seseorang untuk berhutang, dan dia memang tahu atau mengikut sangkaannya yang kuat bahawa jika dia menghutangkan kepada orang tersebut (penghutang), penghutang akan membelanjakannya pada perkara yang haram. Dalam keadaan ini, haram ke atasnya memberi hutang kepada orang tersebut.

* **Makruh** : Bagi orang yang mempunyai kemampuan, apabila datang kepadanya

seseorang untuk berhutang, dan pemiutang memang tahu atau mengikut sangkaannya yang kuat bahawa jika dia menghutangkan kepada orang tersebut (penghutang), penghutang akan membelanjakannya pada perkara yang makruh. Dalam keadaan seperti ini, makruh ke atas pemiutang memberi hutang atau menghutangkan orang tersebut.


* **Harus** : Adakalanya memberi pinjaman atau menghutangkan kepada orang lain hukumnya menjadi harus. Hukum harus ini berlaku sekiranya tujuan memberi pinjaman itu bukan untuk keperluan menghilangkan atau melapangkan kesusahan penghutang, tetapi bagi tujuan lain yang diharuskan.

Sebagai contoh, jika seorang peniaga pergi berhutang kepada seorang yang lain bukan kerana adanya keperluan mendesak tetapi hanya bertujuan untuk membesarkan perniagaan demi mengaut lebih keuntungan. Maka dalam hal ini, harus hukumnya pemiutang menghutangkan atau memberi pinjaman kepada peniaga berkenaan.

Akad Hutang Yang Dilarang

Di dalam sistem muamalat Islam, akad hutang disyariatkan bukan untuk membuka jalan bagi pemberi hutang (pemiutang) meraih sebarang keuntungan daripada penghutang. Sebaliknya akad hutang disyariatkan adalah untuk memberi kemudahan dan pertolongan kepada orang yang memerlukan.

Menurut hukum syara', memberi pinjaman atau menghutangkan bagi maksud untuk menjana atau mengaut sebarang keuntungan atau manfaat daripada penghutang adalah dilarang. Pemiutang tidak boleh mengambil kesempatan



daripada penghutang untuk meraih sebarang manfaat dengan sebab hutang. Perbuatan tersebut adalah dikira sebagai memakan riba yang diharamkan oleh Allah *Subhanahu Wata'ala*. Tidak kira sama ada harta yang dihutangkan itu dalam bentuk wang, emas, perak atau selainnya, seperti binatang ternakan, beras dan sebagainya.

Diriwayatkan daripada beberapa orang sahabat, seperti Ibnu Mas'ud, Ibnu 'Abbas, Ubai bin Ka'b dan Abdullah bin Sallam *Radhiallahu 'anhum*:

Ertinya : "Sesungguhnya mereka menegah daripada hutang yang boleh menjana manfaat."



Amalkan peruntukan secara baik

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Mac. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng semasa memberi ucapan mukadimah pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN mengenai peruntukan sebanyak BND 124,944,570.00 yang disediakan untuk Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan (KHELNP)

Laporan : Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Azmah Haji Ahad

Usaha pembangunan koperasi giat dirancang

Laporan : Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Mac. - Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) memasuki hari kelima di Dewan Persidangan MMN. Persidangan diteruskan dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Gerakan koperasi di negara ini, menurut Yang Berhormat semakin lemah. Antaranya disebabkan oleh urus tadbir yang kurang berkesan, iaitu tidak taratur dan kurang efisien dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti sesebuah koperasi.

"Ini boleh diatasi dengan meningkatkan kecekapan urus tadbir produktiviti koperasi dengan mengadakan program latihan dan penyelidikan khusus bagi gerakan koperasi secara berterusan. Melaksanakan program kerjasama dengan koperasi di Malaysia dan beberapa institut di Jepun dan merangka satu projek yang dilakukan oleh pembangunan koperasi di bawah Jabatan BINA," menurut Yang Berhormat.

Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar semasa menjawab persoalan yang dikemukakan mengenai dengan tindakan yang telah diambil oleh pihak kerajaan setakat ini, menurut Yang Berhormat, usaha bagi meningkatkan produktiviti koperasi khususnya koperasi yang dikendalikan oleh persatuan-persatuan belia adalah dengan menyediakan program latihan dan pendidikan, khusus dalam koperasi secara berterusan.

Ia bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dalam urus tadbir dan aktiviti perniagaan koperasi termasuklah Koperasi Belia, jelas Yang Berhormat.

Antara program latihan dan kursus yang dikendalikan ialah penyediaan rancangan perniagaan; asas pengurusan strategik; asas simpan kira dan perakaunan koperasi; tugas dan tanggungjawab Ahli Lembaga Koperasi dan pengenalan juruaudit dalaman.

Menurut Yang Berhormat, program bersama Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia



MENTERI Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.

Sendirian Berhad (ANGKASA) juga diadakan. Dalam program ini, pihak ANGKASA telah membawa bersama beberapa Koperasi Malaysia dengan produk-produk keluaran masing-masing.

Pihak koperasi di negara ini, tambah Yang Berhormat turut diberi kesempatan untuk menjadi ejen bagi produk-produk berkenaan di negara ini. Program ini juga dapat membuka ruang kepada para belia yang terlibat dalam koperasi untuk menambahkan kegiatan perniagaan.

Setakat ini, jelas Yang Berhormat, hanya satu program sahaja yang dijalankan bersama dengan pihak ANGKASA, iaitu Program Business Matching. Ia adalah program bagi semua koperasi di negara dan ia tidak mengkhususkan pada persatuan belia sahaja.

"Pada tahun 2016, pihak kerajaan kini giat merancang beberapa usaha bagi pembangunan koperasi. Ia termasuklah melibatkan koperasi sebagai ahli kepada kumpulan kerja rakan penggerak koperasi bagi menyediakan program sepanjang tahun. Seperti program Business Matching di antara koperasi dan pengusaha-pengusaha Kotej menubuhkan pusat edaran bagi produk-produk koperasi dan kotej penjenamaan koperasi dan program memperkasa koperasi," tambah Yang Berhormat.

termasuk peruntukan bagi 43 buah perwakilan-perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negeri bagi tahun 2016 / 2017.

KHELNP, menurut Yang Berhormat akan mengamalkan penggunaan peruntukan secara terbaik dalam melaksanakan tugas dan peranannya, iaitu untuk mendukung dasar dan menjaga kepentingan negara di arena antarabangsa.

"KHELNP juga akan terus berusaha dan menyokong matlamat kerajaan untuk mengukuhkan ekonomi negara bagi mendukung pembangunan yang berterusan bagi rakyat dan penduduk negara," ujar Yang Berhormat.

Dalam perkara ini, KHELNP jelas Yang Berhormat akan sentiasa mengambil tindakan proaktif dalam menyokong dasar ekonomi negara dan melaksanakan inisiatif-inisiatif perekonomian serantau juga antarabangsa seperti komuniti ekonomi ASEAN serta perkongsian Trans Pacific Partnership (TPP) yang ditandatangani pada 4 Februari 2016 di Auckland, New Zealand.

Menurut Yang Berhormat lagi, kedua-duanya akan menyokong perkembangan ekonomi negara dalam menarik pelabur asing, meningkatkan perdagangan dan mewujudkan peluang pekerjaan bagi rakyat terutama belia.

Dalam ucapan mukadimah tersebut, KHELNP, ujar Yang Berhormat ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kementerian-kementerian yang terlibat secara langsung dalam memberi sokongan dan *input* juga menjadi perunding-perunding utama dalam bab-bab

atau isu-isu yang di bawah tanggungan mereka.

Pihak-pihak tersebut termasuk Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Peguam Negara, KHELNP, Jabatan Buruh, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Biro Mencegah Rasuah, Kementerian Perhubungan, AiTi, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kesihatan.

"Pencapaian Negara Brunei Darussalam dalam menangani Perjanjian TPP adalah kerana sumbangan, sokongan dan kerjasama baik yang diberikan oleh pegawai-pegawai kerajaan berkenaan dalam perundingan TPP yang dijalankan selama lima tahun. Perjanjian TPP ini merupakan Perjanjian Perdagangan Bebas antara 12 buah negara termasuk Negara Brunei Darussalam," tegas Yang Berhormat.

Ahli-ahli TPP, jelas Yang Berhormat mewujudkan pasaran yang terdiri daripada 800 juta penduduk dan gabungan GDP sebanyak 40 peratus dari keseluruhan GDP Dunia.

Apabila perjanjian ini dilaksanakan, iaitu *rectified*, ujar Yang Berhormat, ia akan membuka pasaran bagi produk-produk keluaran NBD dan akan menjana pertumbuhan ekonomi dengan membawa manfaat kepada orang-orang kita.

"Satu lagi digelar Komuniti Ekonomi ASEAN, kementerian



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng.

terus mendukung penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN selaras dengan Wawasan 2035 untuk meningkatkan kemahiran, kualiti hidup dan pendapatan rakyat," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat menjelaskan, pada penghujung tahun 2015, Komuniti Ekonomi ASEAN telah tertubuh. Rantau ASEAN dengan penduduknya seramai 622 juta menjadi satu gabungan ekonomi yang bersepadu.

Inisiatif ini, jelas Yang Berhormat lagi, berhasrat untuk mewujudkan pembangunan ekonomi yang saksama merapatkan jurang ekonomi ASEAN dan menjana pertumbuhan inklusif melalui dasar-dasar yang menyokong perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana.

Pensijilan Halal Brunei, Jenama Brunei Halal - dua peranan berbeza

Laporan : Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Mac. - Majlis Mesyuarat Negara yang dipengerusikan oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib membuka tirai permesyuaratan dengan jawapan-jawapan bagi Soalan Mulut yang Telah Diberi Notis oleh beberapa Yang Berhormat.

Negara Brunei Darussalam, menurut Ahli MMN, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar sudah pun mewujudkan Pensijilan Halal Brunei. Pensijilan Halal Brunei berkenaan dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Manakala penubuhan Jenama Brunei Halal adalah bagi makanan, farmaseutikal dan industri kosmetik yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Menurut Yang Berhormat lagi, Pensijilan Halal Brunei dan Jenama Brunei Halal tersebut menimbulkan kekeliruan kepada pelabur-pelabur asing dan juga syarikat asing, iaitu perkataan makna 'halal'. Kekeliruan ini pastinya akan menjejaskan keberkesanan pemasaran produk-produk Brunei Halal di luar negara.

Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar semasa menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat tersebut mengakui memang terdapat kekeliruan mengenai jenama-jenama atau pun logo-logo halal keluaran Negara Brunei Darussalam.

Dua jenis logo yang dimaksudkan itu, menurut Yang Berhormat ialah logo Pensijilan Halal (*purple logo*) dan logo Jenama Brunei Halal (*green logo*). Kedua-dua logo tersebut memainkan peranan yang berlainan, iaitu berbeza dari segi fungsi dan tujuan.

Logo Pensijilan Halal, iaitu *purple logo*, jelas Yang Berhormat, merupakan tanda pensijilan. Logo ini adalah di bawah bidang kuasa MUIB. Ia dikeluarkan bagi menandakan mana-mana produk yang telah diperiksa atau diaudit secara terperinci oleh pegawai-pegawai agama dan teknikal serta didapati telah memenuhi hukum syarak.

"Manakala logo Jenama Brunei Halal (*green logo*) pula merupakan logo komersial bagi maksud perdagangan sama seperti Nestle, Cadbury,



YANG Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Ja'afar.

Campbell dan sebagainya yang dipunyai oleh Syarikat Wafirah Holding Sendirian Berhad sebuah syarikat milik kerajaan," ujar Yang Berhormat lagi.

Jenama Brunei Halal secara ringkasnya adalah sebagai jenama komersial atau tanda perdagangan (*trademark*).

Kekeliruan ini, tegas Yang Berhormat akan ditangani bersama dengan agensi-agensi yang tertentu dan langkah-langkah juga akan dikenal pasti bagi mengadakan satu persijilan halal sahaja baginya dan dibezakan dari Jenama Brunei Halal. Perkara ini akan diteliti lebih lanjut bersama pihak-pihak yang berkepentingan seperti Kementerian Hal Ehwal Ugama dan MUIB.

Teliti semula dasar kelayakan diami rumah sewa kerajaan



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Mac. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang

Laporan : Noraisah Muhammed
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Ampuan Haji Mahmud

Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menjelaskan, setiap tahun perbelanjaan kerajaan bagi penyediaan rumah-rumah sewa yang didiami oleh pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang berkelayakan ialah kira-kira BND140 juta.

Walau bagaimanapun, kutipan kerajaan hasil dari potongan gaji pegawai dan kakitangan berkenaan adalah kurang daripada BND10 juta setahun sekali gus menunjukkan bahawa subsidi yang dihulurkan oleh kerajaan ialah melebihi 90 peratus setahun.

Yang Berhormat menjelaskan, ke arah itu pihak kerajaan melalui agensi-agensi yang berkenaan sedang meneliti dan mengkaji semula dasar-dasar kelayakan untuk

mendiami rumah-rumah sewa kerajaan dan langkah ini juga selaras dengan usaha kerajaan untuk menggalakkan orang ramai untuk memiliki rumah sendiri dengan lebih awal.

Ketika menjawab pertanyaan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit berkaitan dengan CAE Brunei Multipurpose Training Centre Sdn. Bhd., Yang Berhormat menjelaskan bahawa CAE Brunei MPTC telah ditubuhkan pada bulan Mac 2012.

Syarikat itu adalah usaha sama di antara CAE in Canada dan Strategic Development Capital, Kementerian Kewangan dengan objektif untuk menjadikan CAE Brunei MPTC sebagai sebuah fasiliti latihan yang bertaraf dunia.

Fasiliti berkenaan telah dibuka

pada bulan April 2014 dan setakat ini, CAE Brunei MPTC telah berjaya mendapatkan beberapa kontrak bukan sahaja dari agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat tempatan malahan juga dari pelanggan-pelanggan antarabangsa, termasuk syarikat-syarikat dari China dan Australia.

Sebagai sebuah syarikat komersial CAE Brunei MPTC akan terus giat memasarkan perkhidmatan mereka kepada pelanggan-pelanggan lain di rantau Asia dan antarabangsa. Mengenai persoalan sama ada anak tempatan yang mengikuti latihan memperoleh pekerjaan.

Seterusnya Yang Berhormat menjelaskan bahawa latihan yang dikendalikan di CAE Brunei MPTC ini merupakan *specialize stimulation training* seperti yang diperlukan oleh tentera udara, syarikat-syarikat minyak dan gas yang menjalankan operasi *offshore* dan mana-mana syarikat atau agensi kerajaan yang memerlukan latihan



khas tertentu.

Oleh yang demikian, latihan tersebut bukanlah bagi belia yang berhasrat untuk mencari pekerjaan atau mereka yang baru menamatkan pelajaran. Mengenai jumlah pelaburan dan unjuran pulangan dari pelaburan tersebut, maklumat-maklumat berkenaan tidak dapat dikongsikan memandangkan ia adalah maklumat komersial yang terhad, tambah Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, pelaburan dalam CAE Brunei MPTC ini sepenuhnya berasaskan penilaian komersial untuk memperoleh keuntungan.

Cadangan mendapatkan pekerjaan di negara ASEAN disambut baik



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Mac. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan

Laporan : Samle Haji Jait
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Azmah Haji Ahad

Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng menyambut baik cadangan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) mengenai mendapatkan pekerjaan di negara-negara ASEAN.

Sebelum itu, Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengajukan persoalan sama ada lepasan pengajian tinggi yang masih belum mendapat pekerjaan supaya diberi peluang pekerjaan di negara-negara ASEAN umpamanya, untuk mengajar bahasa Melayu atau pekerjaan lain dengan mengadakan Memorandum Persefahaman (MoU) secara berkontrak seperti yang dilakukan pengajaran bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain oleh orang luar ke negara ini.

Menurut Yang Berhormat Awang

Haji Ramli selain memberi peluang pekerjaan, ia juga akan memperkembangkan dan memartabatkan bahasa Melayu di rantau Nusantara ini.

Sementara itu, apabila mereka kembali ke tanah air pengalaman yang diperolehi di luar negara dapat digunakan dalam pembangunan negara ini.

Ahli MMN itu menjelaskan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan menerusi Jabatan Ekonomi Berbagai Hala memberi sokongan dan memudahkan misi luar Negara Brunei Darussalam dalam perdagangan serta aktiviti promosi pelaburan seperti mengatur, menyelaras aktiviti promosi perdagangan juga pelaburan.

"Cadangan supaya kalau dapat mahasiswa yang pada masa ini masih menunggu pekerjaan, kalau mereka dapat diambil

untuk mengajar bahasa Melayu di negara-negara ASEAN. Ini memanglah cadangan yang baik dan yang sebenarnya sudah berjalan dalam dua tahun yang lepas dengan kerjasama Kementerian Pendidikan," jelas Yang

Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng bagi menjawab pertanyaan Ahli MMN pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN, di sini.

Bisnes koperasi bukan untuk kepentingan individu

Laporan : Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Mac. - Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar semasa Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) hari kelima bagi sesi pagi mengongsikan akan gambaran sebenar mengenai isu *monopoly* saham bagi kepentingan *individual* tertentu dalam sebuah koperasi.

"Perkara ini nampaknya sudah menjadi kebiasaan dalam beberapa koperasi dalam Bab 26, Akta Syarikat Kerjasama dan Undang-Undang Kecil Koperasi. Ia menyatakan seorang ahli tidak boleh memegang saham lebih daripada 20 peratus jumlah modal saham yang terkumpul dalam koperasi berkenaan," jelas Yang Berhormat.

Walaupun pemegang-pemegang saham ini, menurut Yang Berhormat mungkin memegang tidak lebih dari 20 peratus jumlah modal saham dan tidak menyalahi akta berkenaan, kadangkala pemegang 20 peratus saham berkenaan dipegang oleh individu tertentu sahaja dan tidak dibukakan kepada orang ramai.

Yang Berhormat mengajak Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain untuk sama-sama memikirkan apakah koperasi begini digalakkan? Bukankah tujuan awal koperasi ini ditubuhkan dan dihasratkan, jelas Yang Berhormat lagi adalah bagi memberikan peluang kepada rakyat untuk menyertai dalam bisnes koperasi dan bukan untuk kepentingan sesetengah individu sahaja.

Mesyuarat bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, di sini.

Pelabur dari Korea kaji semula pembinaan kilang



MENTERI Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.

Laporan : Samle Haji Jait
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Mac. - Suasana ekonomi dunia yang agak tidak menentu dan akibat kejatuhan harga minyak, syarikat berbagai bangsa (*multinational company*) secara am telah mengambil langkah berhati-hati dengan membuat penilaian wajar *due diligent* sebelum membuat sesuatu pelaburan.

Sehubungan itu, Syarikat Dongchul Co. Limited (Korea) yang telah mendapat kelulusan dari Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei untuk pembinaan sebuah kilang Aluminium di Negara Brunei Darussalam telah meminta tempoh sehingga tahun 2018 untuk meneliti

dan mengkaji semua projek yang telah dicadangkan.

Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar berkata, Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei dengan Dong Yang Company Limited Korea telah diadakan pada 27 Jun 2014.

"Berikutan dengan penanda-tanganan tersebut kelulusan telah diberikan pada 27 November 2014 untuk meneruskan projek

tersebut tertakluk kepada syarat-syarat tertentu berkaitan dengan keperluan gas asli serta tenaga elektrik. Dongchul Co. Limited (Korea) telah bersetuju dengan syarat-syarat yang ditetapkan," jelas Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) ketika menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd.

Rauf.

Ahli Majlis MMN sebelum ini menjelaskan MoU bagi membina kilang aluminium itu dicadangkan didirikan di Kampung Bukit Panggal, Mukim Keriam di Daerah Tutong.

Bagaimanapun, Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di JPM menjelaskan, prasarana asas seperti penyediaan tapak di Bukit Panggal sudah tersedia boleh dimanfaatkan keperluan bagi projek-projek FDI yang lain dan tidak semestinya bergantung pada Dongchul Co. Limited (Korea) berkenaan sahaja.

Pastikan penggunaan kaedah 'Programme and Performance Budgeting'



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) perlu memastikan segala

Laporan : Samle Haji Jait
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Azmah Haji Ahad

perancangan dan strategi yang dilaksanakan menggunakan kaedah 'Programme and Performance Budgeting' mengikut keperluan sebenar dan keutamaan yang berasaskan kepada Penunjuk Utama Prestasi atau KPI Kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya selaras dengan dasar perbelanjaan berhemah dalam peruntukan kewangan juga perbelanjaan negara.

Menerusi program berkenaan, jabatan-jabatan diharap akan dapat meningkatkan prestasi masing-masing termasuk usaha bagi menambah hasil pendapatan dengan mengukuhkan pengurusan dan pemantauan kutipan hasil sekali gus mengurangkan tunggakan hasil dan lain-lain tunggakan.

"Kita perlu mengambil langkah untuk sentiasa keluar daripada zon

keselesaan dengan memberi penekanan kepada ketangkasan bekerja, ketetapan dan keberhasilan untuk memperbaiki mutu perkhidmatan dan menguatkuasakan undang-undang negara," jelas Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa menyampaikan mukadimah mengenai kedudukan peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) bagi Tahun Kewangan 2016 / 2017 pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Peruntukan bagi perbelanjaan Tahun Kewangan 2016 / 2017 bagi KHEDN sebanyak BND

147,395,040 itu meliputi bagi peruntukan Gaji Kakitangan sebanyak BND 94,810,640 ataupun 67.57 peratus; Perbelanjaan Berulang-Ulang BND 45,506,048 atau 32.43 peratus dan selebihnya Perbelanjaan Khas sebanyak BND 7,078,352.

Yang Berhormat menjelaskan penghasilan kerja perlu berteraskan *outcome* dengan kesan yang signifikan, nilai tambah serta peningkatan secara berganda, di samping inovasi dan kreativiti yang diharap akan sentiasa menjadi asas warga kementerian berkenaan dalam mempertingkatkan lagi prestasi kerja, kualiti dan produktiviti.

Berdasarkan peruntukan berkenaan, KHEDN akan berusaha sedaya upaya untuk memberikan perkhidmatan cemerlang dalam memastikan sistem penyampaian perkhidmatan kementerian, jabatan dan agensi sentiasa mencapai standard dan kualiti yang ditetapkan dalam memenuhi kehendak dan



ekpektasi rakyat khususnya pelanggan-pelanggan kementerian, jabatan dan agensi.

Dalam pada itu, kementerian berkenaan dalam usahanya menuju matlamat Wawasan 2035, beberapa projek telah dikenal pasti berpandukan kepada enam tema matlamat strategi kementerian.

Bidang-bidang yang dikenal pasti merupakan keutamaan dari segi peruntukan, perancangan strategik dan *operational* dan ini termasuk penglibatan pihak-pihak yang berkepentingan.

KHEDN kembangkan modal insan secara holistik

Laporan : Samle Haji Jait

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam usahanya memberi komitmen khususnya dalam meningkatkan dan memantapkan keupayaan sumber tenaga manusia dan penjana peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan.

Antaranya telah pun dijalankan oleh Jabatan Buruh dan Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja (APTK) melalui penggunaan sistem teknologi maklumat yang sedia ada seperti Labour Control System (LCS) supaya profil syarikat dan pekerja tersedia serta mudah diakses dan System Electronic Labour Exchange (ELX) bagi mempercepatkan *job-matching*.

"Kedua-dua sistem ini telah diperkenalkan pada tahun 2015 dan akan sentiasa dipantau agar ia selari dengan keadaan semasa," jelas Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa menyampaikan mukadimah mengenai kedudukan peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Tahun Kewangan 2016 / 2017 pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Yang Berhormat berkata, beberapa dasar telah diperkenalkan seperti menetapkan peratus pekerja asing mengikut zon bandar dan luar bandar, pembekuan jawatan-jawatan tertentu bagi memberikan peluang pekerjaan kepada pekerja tempatan dan pemetongan kuota pekerja asing yang tidak digunakan.

Menurutnya, *system levy* yang masih di bawah penelitian kementerian ini akan diperkenalkan dengan objektif sistem ini boleh

membantu mengawal kemasukan tenaga pekerja asing dan seterusnya memberi peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Dalam memastikan perbelanjaan berhemah dan *value for money*, Menteri KHEDN menambah kementerian berkenaan akan sentiasa memastikan kesemua langkah atau strategi yang dijalankan akan mencapai visi Wawasan 2035.

Di samping itu juga, amat penting bagi kementerian untuk membangunkan modal insan secara holistik merangkumi keupayaan sahsiah dan intelektual bagi memandu pemikiran dan perlakuan dalam rutin harian.

Terdahulu, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menjelaskan, selain membantu menjaga keamanan negara, kementerian itu sentiasa berusaha untuk meningkatkan dan mengukuhkan kesiapsediaan dan daya ketahanan (*resilience*) kebangsaan melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC).

Beberapa program telah dilaksanakan untuk meningkatkan kesiapsediaan kebangsaan dengan memperkasa individu dan masyarakat untuk menguatkan dan mengekalkan kesiapsediaan mereka sendiri membina dan mengekalkan keupayaan-keupayaan utama kebangsaan. Alhamdulillah,

program-program yang dijalankan oleh NDMC khususnya untuk masyarakat dan orang awam, iaitu Community Base Disaster Risk Management dilaksanakan sejak tahun 2009 dan School Base Disaster Risk Management dilaksanakan sejak tahun 2012 mendapat sambutan yang amat menggalakkan hingga ke hari ini. Agensi ini juga telah mengagihkan Buku Panduan Asas Kecemasan dan Keselamatan Awam kepada orang ramai.

Tuntutan hasil kerajaan, mantapkan penguatkuasaan undang-undang



ANTARA yang hadir pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Laporan : Samle Haji Jait
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) telah melaksanakan penambahbaikan bagi meningkatkan tuntutan hasil kerajaan dengan mengkaji semula dasar dan tatacara pelaksanaan cukai bangunan bersama-sama agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dan seterusnya meneliti semula cukai bangunan agar dapat mengurangkan permasalahan peningkatan dalam jumlah tunggakan cukai bangunan.

Di samping membantu negara meningkatkan penjana ekonomi. Kementerian berkenaan juga bekerjasama rapat dengan agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan bagi mengawal keselamatan dan kesejahteraan penduduk secara amnya.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia, (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berkata, beberapa strategi telah digunakan bagi kementerian berkenaan memperbaiki keselamatan sempadan dan melindungi

ancaman-ancaman lain kepada keselamatan kebangsaan, keselamatan ekonomi dan keselamatan awam.

Dalam konteks membantu memantapkan kawalan sempadan, penguatkuasaan undang-undang Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) bergiat aktif, bergerak secara dinamik dan bertanggungjawab dalam menguatkuasakan undang-undang dan peraturan-peraturan bagi membanteras pesalah imigresen demi keharmonian, kesejahteraan dan keselamatan negara.

Beberapa strategi bagi meningkatkan keselamatan sempadan termasuk menguat kuasa undang-undang imigresen dengan lebih tegas, memperketatkan prosedur keselamatan di pos-pos kawalan dan koordinasi bersepadu antara jabatan dan membanteras jenayah rentas sempadan dan bekerjasama dengan agensi berkenaan memerangi pemerdagangan orang dan penyeludupan *migrant*.

Di samping itu juga, JIPK dengan agensi-agensi lain

berusaha untuk menjamin dan mempercepatkan kemasukan pelancong dan peniaga-peniaga kerana ia merupakan pemacu kepada kemakmuran ekonomi negara.

Ini terbukti, dengan meningkatnya jumlah pelancong dan peniaga yang masuk ke negara ini. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh jabatan ini adalah kemudahan pengecualian visa bagi pelancong dari negara-negara ASEAN dan juga penggunaan e-Gate yang akan memudahkan dan mempercepatkan lagi proses keluar / masuk *automated border crossing*.

Sementara itu, JIPK akan terus meneliti dan menilai penggunaan pasport biometrik untuk meningkatkan keselamatan sempadan.

Dalam konteks membantu keselamatan awam pula, Jabatan Penjara bertanggungjawab melindungi orang-orang awam dengan menahan penghuni institusi penjara melalui prasarana yang kukuh dan selamat serta menjalankan program-program pemulihan yang disediakan seperti penyediaan infrastruktur dan kompleks penjara yang baharu dan seterusnya memantapkan sistem keselamatan melalui sistem dan peralatan keselamatan yang lebih berkesan.

Jabatan Penjara juga memastikan kesejahteraan bekas penghuni institusi penjara, dengan menubuhkan 'Program Prabebas' dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan atau *stakeholders* yang berkenaan bagi membantu bekas penghuni dalam mendapatkan hala tuju kerjaya setelah dibebaskan.

Pada masa ini beberapa rakan seliaan, iaitu bekas banduan sedang dalam proses pemilihan jawatan-jawatan tertentu melalui kerjasama Jabatan Penjara dengan Jabatan Hal Ehwal Masjid, iaitu melalui perkhidmatan kaunseling dan seliaan.

Hasilkan graduan kebolehpasaran, punyai nilai MIB

Laporan : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

Hasil produk usahawan pelajar perlu diambil perhatian

Laporan : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas



YANG Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Mac. - Penyata Kewangan dan Kunci Kira-Kira Tahunan pembangunan keusahawanan pelajar masing-masing atau kumpulan adalah perlu untuk dihantar ke jabatan di Kementerian Pendidikan bagi melihat keuntungan yang diperolehi dan sasaran kerangka kerja Wawasan Brunei 2035, iaitu pendidikan yang memenuhi keperluan ekonomi, iaitu mengenai usahawan pelajar.

Perkara ini dinyatakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit semasa memberikan usul pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), di sini.

Yang Berhormat berkata, Ekspo Pembangunan dan Keusahawanan Pelajar (Student Entrepreneurship Development Expo) (SEDEX) yang telah mula dilancarkan pada tahun 2012 dan seterusnya diadakan setiap tahun di gedung-gedung perniagaan mempamerkan hasil tangan pelajar dengan berbagai-bagai jenis mengikut kredibiliti masing-masing seperti seni lukis,

anyaman, gubahan, jahitan, makanan, minuman dan lain-lain.

Melihat pada sambutan orang ramai, tambah Yang Berhormat produk-produk ini perlu diambil perhatian sepenuhnya oleh guru-guru untuk dipertingkatkan lagi mutunya agar boleh menembusi pasaran tempatan dan luar negara dan seterusnya sebagai galakan dan motivasi, pelajar berkenaan diajar cara membuat Pernyataan Kewangan masing-masing atau kumpulan bagi melihat keuntungan.

"Dari penyata tersebut guru besar atau guru-guru yang diamanahkan sebagai Bendahari membuat Kunci Kira-Kira Kewangan Tahunan sekolah berkenaan untuk dihantar ke jabatan berkenaan di Kementerian Pendidikan dan untuk pengetahuan ibu bapa atau penaja pelajar yang turut serta mengeluarkan modal. Sekolah yang mempunyai keuntungan yang terbesar pula dicadangkan supaya diberi Anugerah Pembangunan Keusahawanan Pelajar Sekolah," jelas Yang Berhormat.

Sehubungan itu, Yang Berhormat juga turut menyorkan adakah Penyata Kewangan dan Kunci Kira-Kira Tahunan pembangunan keusahawanan pelajar ini telah dilaksanakan di setiap sekolah yang mengikuti ekspo tersebut? Jika ada, berapakan jumlah kumpulan hasil jualan tersebut pada kesemua sekolah? Sekolah manakah yang paling tinggi dari segi pendapatan mengikut kategori masing-masing, iaitu sekolah rendah dan menengah secara berasingan?

Dalam usulan berkenaan, Yang Berhormat berkata, memandangkan dalam pameran tersebut tidak ada jualan berbentuk hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan hasil pertukangan kayu, adakah perancangan untuk mengadakan kembali aktiviti pertanian dan pertukangan ini di sekolah-sekolah rendah dan menengah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Mac. - Kementerian Pendidikan sejak tahun lepas memastikan bagi setiap IPTA membuat kaji selidik dan pengumpulan data pekerjaan bagi graduan-graduan pengajian tinggi melalui pejabat alumni dan kerjaya di IPTA masing-masing.

Perkara itu dijelaskan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman bagi menjawab kepada soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada hari keenam di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Menurut Yang Berhormat, inisiatif *database* alumni ini adalah untuk mendapatkan data mutakhir mengenai alumni-alumni IPT dengan hasrat untuk membantu mengembangkan kerjaya mereka; untuk membantu dalam pencarian pekerjaan; dan membawa alumni berjaya sebagai pendukung perkembangan IPT.

Jelas Yang Berhormat lagi, antara misi pengajian tinggi adalah



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

memastikan institut pengajian tinggi menghasilkan graduan yang lengkap dengan memiliki tanggungjawab ekonomi dan sosial kebolehpasaran (*marketability*) serta mempunyai nilai MIB yang kukuh di mana mereka ini juga harus mempunyai nilai-nilai global keusahawanan dan peka terhadap keadaan sekeliling mereka.

Dalam pada itu, tambah Yang Berhormat lagi kementerian ini menggalakkan institusi pengajian tinggi untuk menilai semula intipati pembelajaran dan suasana pengajaran di IPT dengan kerjasama *stakeholders* dan industri dalam pelbagai usaha seperti mereview kurikulum dalam memastikan program-program yang dijalankan adalah sesuai, relevan dan responsif kepada kehendak industri, seperti UBD dengan *pereviewan* atau *review curriculum*.

Menurut Yang Berhormat, IPT juga mendapat dukungan padu daripada pihak industri



dalam memberikan kesempatan perkembangan pelajar melalui inisiatif intensif sebelum tempat pengajian contohnya program 3 tahun Program Discovery Year dan Experience Plus dan Industrial Placement dengan para pelajar diberikan pendedahan kepada realiti pekerjaan dan juga mengasah kemahiran mereka.

"Program-program ini juga dapat memberikan pelajar satu pengalaman berinteraksi dengan masyarakat di luar kampus mereka. Inisiatif ini adalah dalam usaha mempersiapkan graduan agar mereka akan boleh proaktif, cekap dan efektif sesuai dengan kehendak bakal majikan mereka nanti," ujar Yang Berhormat.

Dalam penyediaan program pula Yang Berhormat menjelaskan selain itu, institut pengajian tinggi juga dikerahkan untuk menyediakan program-program perkembangan alumni selepas tamat pengajian, antaranya adalah usaha sama bersama bakal majikan dalam mengendalikan program-program yang dapat mempersiapkan graduan agar mereka lebih *confident* menghadapi temu duga ujian dan pengambilan dan kerja seperti Bengkel Penulisan CV, Bengkel Temu Duga Program Perkembangan Graduan.

Penghayatan MIB terlaksana secara keseluruhan

Laporan : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas



YANG Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Mac. - Pada masa ini belum ada perancangan untuk dibuat bagi peperiksaan pada Peringkat 'O' dan 'A' bagi mata pelajaran MIB dan sebahagian buku teks yang dikeluarkan sejak Pelaksanaan SPN21 pada tahun 2009 tidak dipakai seperti buku teks yang dihasilkan dengan kerjasama pakar

dari luar.

Perkara itu dijelaskan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman bagi menjawab kepada soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada hari keenam di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Tambah Yang Berhormat, pada masa ini penilaian kendalian sekolah sahaja dijalankan kerana ia menekankan kepada aspek penghayatan amalan harian falsafah Melayu Islam Beraja (MIB). Kementerian Pendidikan telah menubuhkan Jawatankuasa Task Force Keberkesanan Penghayatan MIB bagi peringkat rendah, menengah dan pengajian tinggi untuk memastikan penghayatan MIB ini terlaksana secara keseluruhannya.

Yang Berhormat seterusnya menjawab mengenai buku teks pula jelasnya, sebenarnya sejak pelaksanaan SPN21 pada tahun 2009, Jabatan Perkembangan Kurikulum tidak pernah menggunakan pakar luar bagi penghasilan buku teks percubaan untuk digunakan untuk satu atau dua tahun.

"Jangka penggunaan buku teks sebelum *direview* semula mestilah melalui tempoh sekurang-kurangnya lima tahun penggunaannya dan beberapa aspek yang diambil kira seperti perubahan dasar; kaedah-kaedah baharu iaitu Best Practices; pendekatan pedagogi dan maklumat-maklumat; dan trend terkini bagi memastikan buku itu terus relevan mencapai efektif dan *up-to-date*. Walau bagaimanapun, buku-buku teks yang terdahulu masih boleh digunakan sebagai buku sumber dan rujukan guru-guru dan para pelajar," terang Yang Berhormat.

Memelihara kebersihan, keindahan tanggungjawab bersama

Laporan : Siti Muslihat Haji Salleh
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Mac. - Satu Jawatankuasa Task-Force telah ditubuhkan pada tahun 2006 bagi meneliti cadangan-cadangan kawasan baharu untuk memperluaskan kawasan Lembaga Bandaran Tutong yang ada masa ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berkata, terdapat beberapa cadangan peluasan kawasan telah pun dihadapkan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Majlis Lembaga Bandaran Tutong.

Bagaimanapun menurut Yang Berhormat, kementerianya mendapati beberapa perkara yang perlu dihalusi dalam cadangan daripada Lembaga Bandaran Tutong yang mengusulkan bagi membesarkan kawasan Lembaga Bandaran Pekan Tutong sebesar 62 kali ganda keluasan daripada yang ada sekarang.

"Setelah penilaian dibuat,

terdapat keperluan untuk cadangan-cadangan berkenaan diperhalusi mengikut perkembangan semasa dan juga mengambil kira pertumbuhan pada masa akan datang," ujar Yang Berhormat pada menerangkan persoalan yang pernah dikemukakan dalam Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada tahun 2013.

Mengenai tanggungjawab untuk memelihara kebersihan dan keindahan di persekitaran kawasan Lembaga Bandaran Tutong, menurut Yang Berhormat ia bukanlah dilaksanakan sepenuhnya oleh Jabatan Bandaran Tutong sahaja.

"Terdapat beberapa agensi kerajaan lain yang memainkan peranan masing-masing dalam sama-sama menjaga kualiti kebersihan dan keindahan persekitaran Pekan Tutong seperti Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi.

Dalam hubungan ini, perbincangan dan kerjasama antara jabatan dan agensi-agensi yang berkenaan memang sentiasa diadakan dan terus dipertingkatkan bagi sama-sama menjaga imej kebersihan dan keindahan Pekan Tutong," tegas Yang Berhormat.



Bersepadu memadam kebakaran di sepanjang Lebuh Raya Seria Bypass

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Mac. - Cara paling berkesan untuk memadam kebakaran tanah gambut seperti yang berlaku di sepanjang Lebuh Raya Seria Bypass ialah dengan membanjiri kawasan tersebut (*total flooding*).

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,



YANG Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menyarankan demikian ketika menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad berkaitan dengan kebakaran yang berlaku di Daerah Kuala Belait pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang pada hari kelima di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

"Kementerian menyambut baik dan bersetuju dengan saranan Yang Berhormat supaya membuat laluan kecil bagi menyalurkan keluar air luagan ke kawasan-kawasan yang terbakar, yang mana pada masa ini pihak bomba dan penyelamat menggunakan air daripada lagun dengan menggunakan *mobile trailer pump, floating*

pump dan peralatan bomba.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri seterusnya menjelaskan bahawa Jabatan Bomba dan Penyelamat telah dibantu oleh agensi-agensi seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Syarikat Minyak Shell Brunei, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dalam usaha bersepadu memadam kebakaran yang terjadi di Daerah Belait.

Menurut Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada masa ini hanya tinggal 10 peratus daripada kawasan yang terjejas seluas 126 hektar yang masih berasap, namun kesiap-sediaan anggota bomba dan penyelamat di kawasan tersebut sentiasa pada tahap yang tinggi memandangkan musim kering dijangka akan berterusan sehingga penghujung bulan ini.

Pengauditan terperinci Jenama Brunei Halal

Laporan : Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Mac. - Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), hari kelima bagi sesi pagi bersidang kembali bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis.

Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar semasa menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar menyatakan, "Untuk mendapatkan logo Jenama Brunei Halal, mana-mana syarikat tempatan dan luar negara akan perlu berkerjasama dengan syarikat Ghanim International Cooperation Sendirian Berhad, sebuah anak Syarikat Wafirah Holding bagi produk-produk yang dipersetujui untuk dikeluarkan di bawah jenama Brunei Halal."

Produk-produk di bawah Jenama Brunei Halal, menurut Yang Berhormat akan menjalani pengauditan terperinci, iaitu bukan sahaja dari kehalalan produk bahkan juga dari kilang syarikat-syarikat pengeluar.

Syarikat-syarikat dimestikan untuk mempunyai persijilan ISO, persijilan Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP) dan juga

mengamalkan Good Manufacturing Practise (GMP).

Dengan memenuhi kriteria-kriteria ini, tambah Yang Berhormat produk-produk syarikat akan diaudit bagi mendapatkan Persijilan Halal dari Majlis Ugama Islam Brunei.

Selain dari logo jenama Brunei Halal, Logo Pensijilan Halal Brunei juga mesti ada dalam setiap pembungkusan produk *packaging* atau pembungkusan bagi setiap produk yang memegang nama Brunei Halal.

Jenama Brunei Halal adalah jenama komersial atau tanda perdagangan (*trademark*) negara yang dipunyai oleh Syarikat Wafirah Holding Sendirian Berhad sebuah syarikat milik kerajaan.



YANG Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

Pencapaian peringkat rendah asas kualiti peringkat menengah

Laporan : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas



YANG Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Mac. - Bagi merealisasikan sistem pendidikan kelas pertama dan peluang pendidikan yang saksama sepertimana Wawasan Brunei 2035, berbagai-bagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit berkata, bagi meningkatkan pencapaian terutama dari peringkat rendah sebagai asas untuk menentukan kualiti di peringkat menengah beberapa tumpuan perlu diperhatikan oleh Kementerian Pendidikan antaranya kedatangan

pelajar-pelajar ke sekolah; Pemantauan kesihatan dan Pembekalan makanan sihat yang baru saja dilancarkan baru-baru ini.

"Kita maklum bahawa, pelajar berbeza-beza misalannya tinggal di kawasan yang dilanda banjir; Kawasan jauh dari sekolah yang tidak dapat dilalui kenderaan sehingga ada yang tidak balik tengah hari bagi meneruskan pembelajaran di sebelah petang dan terdapat juga keluarga yang kurang mampu," jelasnya semasa memberikan usul pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), di sini.

Tingkatkan kualiti kepimpinan pemimpin akar umbi

Laporan : Siti Muslihat Haji Salleh
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Pg. Amirulnizam
Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Mac. - Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam yang baharu telah pun diperkenalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertujuan untuk mempertingkatkan, mengukuhkan dan memantapkan lagi martabat, kualiti kepimpinan dan keberkesanan teras kepimpinan akar umbi dalam memupuk semangat kewarganegaraan dalam mendukung kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apang berkata, skim yang baharu itu diperkenalkan bagi menyesuaikan peranan tugas dan tanggungjawab para penghulu mukim dan ketua-ketua kampung yang pada masa ini semakin besar, mencabar dan bukan sahaja hanya menjaga hal ehwal kebajikan, kesejahteraan, pemedulian anak-anak buah kampung, malahan merangkumi perkara-perkara yang berhubung kait dengan perpaduan, keamanan, keselamatan, permasalahan, perkembangan serta kemajuan mukim dan kampung di bawah jagaan masing-masing yang semakin meningkat dari semasa ke semasa.

"Peranan penting yang dimainkan oleh penghulu mukim dan ketua kampung sebagai perantara dua hala sebagai mata, telinga dan lidah kerajaan dengan penduduk-penduduk mukim dan kampung bagi sama-sama mengawasi kepentingan, keharmonian dan keselamatan mukim dan kampung.

Ia juga bertujuan meningkatkan lagi semangat dan motivasi penghulu mukim dan ketua kampung dalam melaksanakan peranan, tugas dan tanggungjawab sebagai pemimpin akar umbi, yang sentiasa sahaja terdedah dalam berbagai-bagai keadaan dan cabaran tanpa mengira waktu dan masa," demikian jelas Yang Berhormat ketika menjawab pertanyaan dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar serta beberapa Ahli Yang Berhormat mengenai jawatan ketua kampung dan penghulu mukim termasuk jawatan-jawatan yang tidak dapat diisikan dan ada juga persoalan mengenai umur, usia pemegang-pemegang jawatan yang sudah melimpasi atau hampir kepada persaraan.

Semasa membincangkan topik di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada sebelah petang hari kelima Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Yang Berhormat menjelaskan skim baharu berkenaan juga bertujuan meningkatkan dan menekankan ciri-ciri kewibawaan dan daya kepimpinan yang tinggi serta mempunyai nilai-nilai dan etika kerja yang murni, yang memerlukan pengetahuan dan pengalaman yang luas dari aspek pengendalian dengan

anak buah mukim dan kampung, serta aktif membuat perancangan dan pelaksanaan mengenai hal ehwal kemasyarakatan dan juga bagi mempertingkatkan imej dan status penghulu mukim dan ketua kampung sebagai pemimpin akar umbi yang berwibawa.

Antara perubahan-perubahan dan penambahbaikan Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang baharu ini, dibanding dengan Skim Perkhidmatan 1998, tambah Yang Berhormat, skim ini lebih komprehensif yang menyediakan satu sistem pengurusan dan pentadbiran yang akan mengawal dan memantau hal ehwal yang berkaitan dengan perkhidmatan penghulu mukim dan ketua kampung yang lebih lengkap.

"Satu aspek pembaharuan yang juga diperkenalkan dalam Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang baharu ini, adalah skim perkhidmatan secara berperingkat dengan kenaikan pangkat tertentu mengikut syarat-syarat yang disediakan.

Sememangnya, penghulu mukim dan ketua kampung diaturkan, diberi peluang untuk memangku dan menjalankan tugas penghulu mukim atau ketua kampung dan antaranya ada juga terdapat dalam kalangan ahli-ahli majlis perundingan kampung yang diaturkan bagi tujuan ini. Oleh yang demikian, persoalan yang ditimbulkan kemungkinan tidak ada penghulu mukim atau ketua kampung yang tidak dapat memberikan sebarang pengesahan atau *endorsement* yang diperlukan oleh anak-anak buah kampung seharusnya tidak timbul, kerana mereka yang diberikan kebenaran untuk memangku ini diberi kuasa untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab berkenaan," ujarnya.

Sejak skim perkhidmatan yang baharu ini diperkenalkan, pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui jabatan-jabatan daerah terang Yang Berhormat, sedang giat mengusahakan bagi pengisian kekosongan jawatan penghulu mukim dan ketua kampung.

Katanya, pengiklanan kekosongan jawatan mengikut Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim

dan Ketua Kampung yang baharu telah dilaksanakan secara serentak bagi keempat-empat daerah pada 5 September 2015 dan ditutup pada 7 Oktober 2015, dengan tujuh jawatan penghulu mukim dan 34 jawatan ketua kampung yang telah diiklankan.

Jawatan tersebut tambah Yang Berhormat, termasuklah jawatan Penghulu Mukim Tutong, Ketua Kampung Rambai, Ketua Kampung Merimbun, Ketua Kampung Panchor dan Ketua Kampung Danau bagi Daerah Tutong.

"Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pengisian kekosongan jawatan penghulu mukim dan

ketua kampung berdasarkan kepada syarat-syarat lantikan dalam skim yang baharu ini. Hasil penelitian setakat ini, ada antara calon-calon yang dicalonkan tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti kelayakan akademik, umur dan sebagainya," tegas Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Bagaimanapun, kementeriannya jelas Yang Berhormat akan mengambil berat dan mematai-matai akan pengisian jawatan penghulu mukim dan ketua kampung yang kosong, agar tidak menjejaskan perjalanan pentadbiran dan pengurusan mukim.

Dalam pada itu, pihak kementerian



bersama jabatan-jabatan daerah telah juga mengambil inisiatif melalui *talent scouting* bagi mengenal pasti penduduk mukim dan kampung sebagai calon-calon yang boleh dipertimbangkan bagi dicalonkan ke jawatan-jawatan berkenaan.

Kerja-kerja pembatasan sempadan darat giat dilaksanakan

Laporan : Sastra Sarini Haji Julaini
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Mac. - Kerja-kerja pembatasan sempadan darat di antara Negara Brunei Darussalam dengan Malaysia sedang giat dilaksanakan. Dalam usaha ini, pihak Negara Brunei Darussalam dan Malaysia telah bekerjasama dengan baik melalui Jawatankuasa Teknikal Penandaan dan Pengukuran Sempadan yang berfungsi untuk membincangkan, menyelaraskan dan melaksanakan kerja-kerja teknikal sempadan.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng susulan soalan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Yusof bin Haji Dulsamin mengenai kerja-kerja pengukuran dan penandaan sempadan darat di antara Negara Brunei Darussalam dengan

Malaysia pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, pengukuran dan pembatasan tanah dijalankan secara berperingkat-peringkat dan di sepanjang sempadan mengikut keutamaan terma rujukan teknikal dan prosedur yang dipersetujui bersama.

Kerja-kerja pengukuran dan pembatasan tanah ini, jelas Yang Berhormat, melibatkan pasukan ukur dari Negara Brunei Darussalam dan Malaysia untuk masuk ke tempat-tempat berkenaan di bahagian sempadan dan membuat kerja-kerja pengukuran bersama *joint-survey*, sebelum membuat pembatasan, penandaan sempadan, iaitu *joint-remarktation* yang dijangka akan mengambil masa 5 hingga 7 tahun.

Dalam hal ini sehingga kini sebanyak 388 biji tanda batu



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng.

sempadan telah selesai dipersetujui dan ditanam dengan jumlah jarak sepanjang 16.1 km.

TPP beri pelbagai manfaat

Laporan : Sastra Sarini Haji Julaini

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Mac. - Kajian World Bank diterbitkan pada Januari 2016, menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng, menunjukkan Negara Brunei Darussalam merupakan negara ketiga yang paling mendapat manfaat daripada Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) selepas Viet Nam dan Malaysia.

Dalam anggaran World Bank, Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) ekonomi negara diramal akan berkembang dalam anggaran 5 peratus menjelang tahun 2030.

Yang Berhormat menjelaskan perkara tersebut susulan soalan-soalan yang dikemukakan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai TPP pada

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, antara faedah TPP termasuk BIMP EAGA, Komuniti Ekonomi ASEAN 2015 dan APEC ialah ia membuka pasaran atau *increase market access* memandangkan TPP yang dianggotai oleh 12 buah negara mempunyai kira-kira 800 juta penduduk; manakala Komuniti Ekonomi ASEAN mempunyai penduduk kira-kira 622 juta, APEC 2.7 bilion penduduk dan ARSET yang masih lagi dalam perundingan dan jika dipersetujui mengandungi 3.4 bilion penduduk.

Menjadi ahli kepada perundingan-perundingan ini juga memberi manfaat kerana ia juga untuk menyokong eksport bukan minyak dan gas, iaitu bagaimana kita hendak

mempelbagaikan ekonomi.

Dalam pandangan-pandangan ini, kita juga melihat dan mempelajari amalan-amalan terbaik supaya kita dapat juga berkecimpung di negara-negara luar seperti mana yang kita pelajari. Yang penting ialah Regulatory Best Practices kerana pelabur-pelabur ingin melihat amalan-amalan tersebut, jelas Yang Berhormat.

Satu lagi faedah, menurut Yang Berhormat, ialah berkenaan dengan iklim perniagaan dan pelaburan yang kondusif (Conducive Business and Investment Environment). Ini kerana pelabur-pelabur ingin mengetahui bagaimana *predictable* dan dengan ini kita boleh meningkatkan pelaburan yang akan dapat menambah peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan.

Daya saing produk negara juga boleh ditingkatkan, maka kualiti barangan tempatan memenuhi standard antarabangsa bagi membolehkan mereka bersaing di pasaran antarabangsa.



YANG Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

Ambil berat kesejahteraan anggota JBP

Laporan : Siti Muslihat Haji Salleh

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) mengambil berat terhadap kepentingan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) yang sangat mencabar, berbahaya, dan berisiko tinggi dalam menghadapi berbagai-bagai kemalangan dan penyakit kesan toksik semasa memadam kebakaran.

Antara langkah yang diambil bagi menangani perkara ini ialah perbekalan *personnel and protective equipments* yang mencukupi dan bersesuaian dengan *environment* tugas mereka dan memenuhi piawaian keselamatan antarabangsa umpamanya *fire jacket, breathing apparatus* (peralatan pernafasan).

Menurut Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, jabatan berkenaan juga menitikberatkan tahap ketahanan

jasmani dan kesihatan dalam kalangan anggota yang tinggi.

"Setiap anggota menjalani ujian ketahanan jasmani setiap enam bulan bagi memantau tahap ketahanan jasmani mereka. Pemeriksaan kesihatan juga dibuat ke atas anggota-anggota yang bakal mengikuti program latihan," jelas Yang Berhormat dalam memperjelaskan mengenai kesejahteraan anggota JBP yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit pada sebelah petang hari kelima Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

KHEDN jelas Yang Berhormat, telah menyediakan satu Skim Perlindungan Berkelompok sejak tahun 2009 dengan tujuan untuk membantu keluarga anggota jika anggota meninggal dunia atau mendapat rawatan kesihatan.

Sejak skim ini diperkenalkan, pampasan telah dikeluarkan kepada keluarga tujuh orang anggota yang telah meninggal dunia dan 21 orang anggota menerima pampasan kerana mendapat kecederaan semasa bertugas.

Yang Berhormat menambah kementerannya melalui JBP juga mengambil perhatian ke atas kebajikan keluarga yang ditinggalkan sebagai contoh, satu kes keluarga anggota telah dibenarkan terus tinggal di perumahan JBP sehingga mendapat kemudahan kekal di bawah Rancangan Perumahan.

Terdahulu, Yang Berhormat juga menyentuh mengenai keupayaan JBP dalam menangani cabaran-cabaran keselamatan di Daerah Temburong serta perkara yang berkaitan dengan skim galakan bagi anggota bomba yang berumur 50 tahun ke atas.

JBP terang Yang Berhormat, mempunyai dua buah balai bomba, iaitu Balai Bomba Bangar dan Balai Bomba Rataie dengan keanggotaan sejumlah kira-kira 80 orang yang berkemahiran bagi menangani kejadian kecemasan termasuk kebakaran, tanah runtuh, kemalangan jalan raya, bahan berbahaya

dan tugas-tugas mencari dan menyelamatkan.

"Unit ini mengadakan latihan dari semasa ke semasa bagi memastikan kesiapsediaan mereka.

Apabila jambatan yang menghubungkan Daerah Temburong dan Daerah Brunei dan Muara siap nanti, penghantaran bantuan daripada unit bomba yang lain juga akan meningkatkan keupayaan JBP, Daerah Temburong ini pada keseluruhannya.

Berkenaan dengan skim galakan bagi mereka berumur 50 tahun ke atas, anggota bomba jelas Yang Berhormat adalah di bawah Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan mereka juga menikmati Skim Persaraan Caruman Tambahan.



Pelabur langsung asing jana pendapatan

Laporan : Sastra Sarini Haji Julaini
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Mac. - Enam buah syarikat pelabur langsung asing (FDI) yang beroperasi di Negara Brunei Darussalam sejak 2010, iaitu Syarikat Aman Shipping, Syarikat Brunei Methanol, Syarikat CAE Multipurpose Training Center, Syarikat Gold Coin, SBI Islamic Fund dan Syarikat Simpor Pharma telah menjana jumlah pelaburan secara keseluruhan sebanyak BND1.15 bilion, menghasilkan 346 peluang pekerjaan dan sehingga penghujung tahun 2015, enam buah syarikat FDI ini berjaya menjana pendapatan sebanyak BND178 juta.

Pihak kerajaan juga merupakan pemegang saham kepada Brunei Methanol Company melalui Syarikat Brunei Petroleum dan Syarikat Aman Shipping, Syarikat CAE, SBI Islamic Fund serta Syarikat Simpor Pharma melalui Strategic Development Capital, Kementerian Kewangan.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Dato Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar mengenai soalan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafie bin Ahmad berkaitan FDI pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Dewan Majlis, di sini.

Mengenai butir-butir yang dipersyaratkan oleh FDI yang ingin melabur ke Negara Brunei Darussalam, secara umumnya, jelas Yang Berhormat, butir-butir yang dipersyaratkan ialah pengecualian cukai yang diperuntukkan oleh kerajaan melalui insentif pelaburan di bawah Investment Incentive, 2001.

Pihak kerajaan juga telah mengadakan insentif cukai seperti rebat cukai atau 'tax rebate' bagi syarikat-syarikat yang mengambil anak tempatan untuk bekerja di syarikat-syarikat mereka; tarif keutamaan seperti harga sewa tanah, air dan tenaga elektrik; perkongsian pelaburan yang



MENTERI Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Dato Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.

disediakan oleh kerajaan melalui dana Strategic Development Capital, Kementerian Kewangan; dan pekerja mahir yang mempunyai kelayakan khusus dalam bidang yang relevan.

Menurut Yang Berhormat, kerjasama dengan National Manpower Consult adalah penting untuk memastikan kemahiran pekerja-pekerja tepat bagi pekerjaan dikehendaki oleh pelabur asing. Pihak kerajaan juga mengenakan syarat-syarat tertentu bagi FDI mengeluarkan keluaran eksport dan mengambil pekerja-pekerja tempatan.

Sementara itu, mengenai peluang para pengusaha tempatan yang diberi peluang untuk kerja bersama dengan FDI, Yang Berhormat menjelaskan, setakat ini belum banyak pengusaha tempatan yang diberi peluang kerja bersama FDI dari enam syarikat yang sekarang beroperasi di negara ini. Menurut Yang Berhormat, Syarikat Gold Coin Sdn. Bhd. dan Simpor Pharma Sdn. Bhd. mempunyai penyertaan usaha sama peniaga-peniaga tempatan.

Pihak kerajaan, ujar Yang Berhormat, akan memastikan setiap FDI yang melabur di Brunei akan menjana perusahaan-perusahaan sampingan 'spin off' kepada pengusaha-pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana tempatan Brunei, mewujudkan peluang pekerjaan anak-anak tempatan terutama sekali meningkatkan hasil pendapatan negara.

Jadikan persekitaran negara *business friendly*

Laporan : Siti Muslihat Haji Salleh
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Pg. Amirulnizam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Mac. - Pemansuhan Lesen Rampaian bertujuan untuk menjadikan persekitaran perniagaan di negara ini pro-bisnes dan *business friendly* dan seterusnya membuka peluang perusahaan kepada anak-anak tempatan.

Menurut Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, memang disedari bahawa dengan pemansuhan itu, hasil pendapatan kerajaan yang bersumberkan daripada Lesen Perniagaan berkurangan.

"Walaupun bagaimanapun, kita penuh berharap bahawa jumlah syarikat yang mendaftar bagi menjalankan perniagaan sebagaimana yang dimaklumkan telah meningkat sebanyak 43 peratus bagi tempoh Januari 2016 hingga Februari 2016 dibanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2015," jelasnya semasa menjawab persoalan mengenai pemansuhan Lesen Rampaian yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berharap dengan kedudukan ini ia akan dapat menjana pendapatan secara langsung dan tidak langsung kepada negara. Bagi perniagaan yang tidak lagi

memerlukan Lesen Perniagaan tambahannya, memadai untuk majikan menghadapi *tenancy agreement* yang masih sah bagi tempat aktiviti atau premis perniagaan seperti lazimnya.

Menyentuh mengenai pengawalan Jabatan Buruh, jabatan tersebut, tegas Yang Berhormat, perlu membuat penelitian, penilaian dan pemeriksaan, permohonan lesen, pengambilan pekerja asing untuk memastikan perkara utama antaranya pemeriksaan berasaskan keperluan, kesesuaian dan kemampuan majikan dari segi kapasiti bisnes selaras dan sesuai dengan jumlah pekerja yang dipohonkan.



YANG Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.



ANTARA pegawai-pegawai yang hadir bagi mendengarkan persidangan mesyuarat tersebut di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Katanya, tempat perniagaan hendaklah memenuhi syarat khas tanah atau telah mendapat kebenaran agensi kerajaan yang mengawalinya.

"Adalah bersesuaian bagi tempat kegiatan perniagaan berkenaan di tempatkan di kawasan komersial atau tempat yang mempunyai syarat khas tanah bagi perniagaan atau perniagaan sampingan yang telah dikeluarkan kebenaran oleh bahagian Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi).

Memastikan majikan mendapatkan kebenaran atau sokongan daripada agensi-agensi kerajaan yang mengawal jenis perniagaan yang akan diusahakan. Seterusnya memastikan bahawa majikan adalah layak dinilai sebagai *fake and proper employer* menurut penilaian Pesurujaya Buruh dan bagi kegiatan yang berkenaan majikan mempunyai projek-projek yang benar-benar sah. Perkara ini antara sukat-sukat yang diperlukan dalam Jabatan Buruh," jelas Yang Berhormat pada hari kelima Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Yang Berhormat menambah, selain itu, juga perlu membuat penilaian bagi memenuhi kehendak Bab 86, Perintah Pekerjaan, 2009 iaitu penempatan pekerja yang mana majikan hendaklah membuat pengisytiharan dan maklumkan secara bertulis kepada Jabatan Buruh jika berhasrat untuk menempatkan mana-mana pekerja di suatu tempat sedia ada atau tempat baharu sama ada bagi tujuan pekerjaan atau tempat tinggal pekerja.

"Dalam perkara ini, Jabatan Buruh setelah membuat penilaian adalah berkuasa bagi menentukan sama ada pekerja-pekerja layak atau sebaliknya untuk ditempatkan bekerja atau tinggal di tempat tersebut," tegasnya.

Bidang kuasa Jabatan Buruh dalam perkara ini tambahannya, bukanlah ke atas perniagaan tersebut akan tetapi bidang kuasa jabatan tersebut adalah ke atas tempat pekerja-pekerja tersebut ditempatkan bekerja atau tinggal dan memastikan majikan berkenaan berkecualan untuk menggaji pekerja secara teratur atau sebaliknya dan juga bagi memastikan kebajikan pekerja-pekerja sentiasa dijaga oleh majikan.



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Mac. - Terdapat dua hingga tiga cadangan yang diterima daripada Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) agar Jabatan Perdagangan dalam Bahagian Promosi dan lain-lain dapat dipindahkan ke Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan

KHELNP bantu promosi barangan, perkhidmatan tempatan

Laporan : Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Azmah Haji Ahad

II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dalam pada itu kemudian menerangkan akan apa yang jabatan ini telah buat dan tanggungjawabnya.

Menurut Yang Berhormat, 'Exposure Brunei products and services to international event', iaitu 'Pendedahan barangan dan perkhidmatan tempatan kepada acara antarabangsa'. Adalah antara usaha yang dilakukan oleh jabatan ini.

Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan (KHELNP) dalam pada masa yang sama, menurut Yang Berhormat telah membantu syarikat-syarikat

tempatan dengan mempromosikan barangan dan perkhidmatan masing-masing di arena antarabangsa seperti ekspo dan pameran.

Antara bantuan yang diberikan adalah seperti memudahkan penyertaan syarikat-syarikat dan penyediaan *booths*.

Menteri di JPM dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), menyatakan hal berkenaan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN, hari kelima, sesi pagi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis.

"Bantuan teknikal dan peningkatan keupayaan. Bantuan daripada pusat-pusat promosi ASEAN-Japan, ASEAN-Korea dari segi pakar-pakar teknikal untuk meningkatkan kualiti dan piawaian barangan dan perkhidmatan tempatan, contohnya : (i) Pembungkusan (*packaging*) daripada pusat promosi ASEAN-Japan dan (ii) Membantu meningkatkan kefahaman untuk menarik lagi pelancong dari pusat promosi ASEAN-Korea," jelas Yang Berhormat.

KHELNP, tambah Yang Berhormat telah membuat perundingan dengan agensi-agensi tertentu. Sejak tahun 2011, KHELNP telah membantu 248 syarikat tempatan untuk menyertai 39 ekspo dan pameran perdagangan di peringkat antarabangsa.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng.



MENTERI Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.

Keperluan tenaga pekerja tempatan sangat penting

Laporan : Haniza Abdul Latif
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 Mac. - Perancangan keperluan tenaga pekerja tempatan termasuk bagi tenaga kerja yang berpendidikan tinggi merupakan aspek penting dalam perancangan pihak kerajaan.

Di sektor tenaga bagi pencari kerja berkelulusan peringkat HND ke atas, sebuah skim yang diperkenalkan sejak bulan Julai 2014, iaitu National Energy Graduate Apprentice (NEGAS) yang mana skim ini direka bagi memberikan pendedahan suasana pekerjaan yang benar bagi membolehkan peserta mempelajari dan meningkatkan kemahiran

teknikal serta *swap skill* dalam masa 12 bulan di syarikat-syarikat minyak dan gas.

Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar menjelaskan perkara tersebut semasa menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafie bin Ahmad pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN pada

hari keempat yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis di sini.

Menurut Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di JPM, setakat ini, seramai 20 orang telah pun berjaya mendapat pekerjaan tetap daripada 59 orang perintis.

Tambahnya, Skim Biasiswa Hengyi Industry yang diungkayahkan sejak tahun 2014 adalah salah satu usaha proaktif dalam memastikan syarikat tersebut mempunyai tenaga kerja tempatan tersedia apabila syarikat beroperasi pada tahun 2019.

Setakat ini jelasnya, seramai 44 mahasiswa jurusan kejuruteraan telah mengikuti skim biasiswa ini yang juga melibatkan kolaborasi di antara Universiti Brunei Darussalam dan University Zhejiang, China.

"Untuk makluman Dewan,

pengambilan pertama pada Universiti Brunei Darussalam, sedang menjalani penempatan industri di Kilang Petrochemical Juan Xuan through chemical company di Republik Rakyat China sebelum menamatkan pengajian mereka pada tahun 2016 ini. Setelah tamat pengajian mereka akan bekerja di Syarikat Hengyi di Negara Brunei Darussalam."

"Untuk makluman Yang Berhormat, antara sasaran tahunan yang dinyatakan dalam kontrak-kontrak syarikat koperasi utama minyak dan gas mengandungi syarat-syarat seperti pengambilan anak-anak tempatan yang berkelulusan HND ke atas dan juga pengambil penuntut-penuntut lulusan Industry Competency Prime Work dan Akademi Maritim Brunei," jelasnya lagi.



ANTARA pegawai-pegawai yang hadir pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN.

Laporan : Sastra Sarini Haji Julaini
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Mac. - Darussalam Enterprise (DARE) buat masa ini sedang menjalankan proses mengkaji semula keberkesanan program bantuan dari segi kewangan bagi pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Ini bertujuan menyediakan program bantuan yang bersesuaian dan menepati keperluan bagi menggalakkan perkembangan perusahaan-perusahaan tempatan.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato

Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar susulan dari soalan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin mengenai PKS pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Dewan Majlis, di sini.

Program bantuan ini, menurut Yang Berhormat, perlu dikemas kini dari segi proses kriteria permohonan dan keberkesanannya. Program bantuan ini juga telus (*transparent*) dan dipantau supaya bantuan dapat digunakan untuk keperluan bisnes saja.

Pihak kerajaan sememangnya

sudah berusaha memberikan bantuan kepada PKS melalui Skim Pinjaman Kewangan. Bantuan ini bukan dari segi grant, tetapi pinjaman sahaja yang perlu dibayar balik. Bagaimanapun, sesetengah individu telah mengambil kesempatan untuk tidak membayar pinjaman mereka. Perkara ini, jelas Yang Berhormat, amatlah menyedihkan kerana perangka sesetengah individu berkenaan menyukarkan pihak kerajaan memutarakan modal yang diperlukan bagi menjalankan

Kerajaan berusaha beri bantuan kepada PKS

skim kewangan untuk perusahaan tempatan yang benar-benar memerlukan bantuan.

Yang Berhormat juga berkata, antara penemuan terbaharu, lulusan skim kewangan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dahulu telah diluluskan oleh pegawai-pegawai kerajaan yang tidak memahami analisis komersial dari pihak bank yang menyediakan kemudahan pinjaman kewangan. Kebanyakan tunggakan berpunca dari pinjaman yang diluluskan oleh pihak kerajaan yang telah mengover *ruled* keputusan pihak bank yang sebenarnya tidak meluluskan pinjaman berkenaan.

Oleh yang sedemikian, kerja-kerja kajian semula ini akan diterajui juga oleh pihak-pihak swasta seperti Ahli Lembaga Urus Tadbir DARE dan pihak bank dengan kepakaran *financial analysis* bersama mereka.

Pihak kerajaan sedang meneliti beberapa jalan untuk membantu PKS

melalui pelaburan daripada *venture capitalist* dan penubuhan bank khas untuk SME. Kerja-kerja kajian ini dijangka akan dapat diselesaikan pada tahun ini.

Dalam membantu golongan wanita secara khusus, jelas Yang Berhormat, 81 peratus, iaitu 13 ahli daripada Ahli Lembaga Urus Tadbir DARE terdiri dari sektor swasta yang 31 peratus, iaitu lima ahli daripadanya adalah terdiri daripada golongan wanita. Golongan wanita yang dilantik dalam Lembaga DARE adalah antara ahli-ahli perniagaan yang berjaya di Negara Brunei Darussalam. Pengalaman dan kepakaran mereka akan memberi panduan kepada DARE dalam merangka program-program yang boleh memperkasakan peniaga-peniaga tempatan termasuklah pengusaha-pengusaha wanita di negara ini melalui *focus session* yang akan diadakan dalam masa yang terdekat ini.

MAJLIS MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-12 MAJLIS MESYUARAT NEGARA (MMN) BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI LAMAN SESAWANG :

www.pelitabrunei.gov.bn

BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

UNTUK MENGETAHUI DENGAN LEBIH LANJUT SYARAT-SYARAT KELAYAKAN DAN TUGAS-TUGAS SERTA TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN BERKENAAN SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

Syarat-Syarat Am:

- Pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon adalah dipelawa daripada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian atau jabatan-jabatan kerajaan sahaja (Bagi iklan menggunakan Peraturan 38 sahaja).
- Pemohon mempunyai pengetahuan kerassian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara begilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.
- Cara permohonan - rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

PERATURAN (7a) BILANGAN IKLAN 10/03/16(SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH TUTUP: 30 MAC 2016

1. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II B.2 EB.3 / B.2 BAHAGIAN II BAHAGIAN UNDANG-UNDANG JABATAN PERDANA MENTERI KEKOSONGAN = 1	2. PENOLONG PEGAWAI PERPUSTAKAAN TINGKAT I C.3-4 EB.5 BAHAGIAN III JABATAN-JABATAN KERAJAAN KEKOSONGAN = 1
--	--

PEMBERITAHUAN

PERUBAHAN TATACARA PENERBITAN IKLAN BAGI PERATURAN 7(A), 38(A) DAN 38(B)

Mulai daripada 04 Mac 2015, pengiklanan jawatan kosong sama ada melalui Peraturan 7(A), 38(A) dan 38(B) akan diiklankan secara serentak dan dikeluarkan 3 kali seminggu iaitu pada setiap hari Isnin, Rabu dan Sabtu.

TATACARA PERMOHONAN BAGI ORANG RAMAI DAN WARGA PERKHIDMATAN AWAM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:

Penggunaan kali pertama:

- Semua pemohon hendaklah mempunyai akaun e-Darussalam. Bagi yang belum mempunyai akaun, hendaklah mendaftar akaun e-Darussalam di www.gov.bn. Setelah mendapatkan *username* dan *password* akaun e-Darussalam, pemohon bolehlah mendaftar masuk ke Portal PSC Recruitment.
- Sila pastikan awda memasukkan e-mel yang betul dan aktif semasa membuat pengesahan di PSC Recruitment.
- Melengkapkan ruangan 'Profil Saya' (*My Profile*) dan memuatnaik siji-sijil atau dokumen-dokumen dalam format pdf mengikut peringkat kelulusan atau jenis dokumen.

Penggunaan Seterusnya:

- Awda boleh mengemaskini profil awda pada bila-bila masa, jika perlu.
- Untuk melihat jawatan yang diiklankan awda boleh memilih 'Carian Pekerjaan' (*Search Job*) atau lihat jawatan 'Atas 5 Kekosongan' (*Top 5 Vacancies*) atau klik 'Carian Lanjutan' (*Advance Search*) dan bagi membuat permohonan klik 'Pohon' (*Apply*).
- Panggilan ujian, temuduga atau keputusan permohonan akan dihantar ke e-mel awda melalui PSC Recruitment.
- Permohonan yang DIHADAPKAN SELEPAS tarikh tutup iklan tidak akan dilayan.**

Maklumat Tambahan:

- Semua kelulusan, siji-sijil kecakapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan professional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah **diiktiraf** oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. (selepas ini dipanggil Kerajaan).
- Kepujian (kredit) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa hendaklah diperolehi dalam tempoh **dua (2) tahun berturut-turut**.
- Kemudahan Komputer dan Mesin Imbas (*Scanner*) ada disediakan bagi kegunaan orang ramai seperti berikut:-
 - Pejabat Daerah Belait;
 - Pejabat Daerah Temburong.
 - Jabatan Bandaran Daerah Tutong.

PERINGATAN TAMBAHAN KEPADA WARGA PERKHIDMATAN AWAM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:

- Sentiasa memastikan maklumat awda di dalam Rekod Perkhidmatan GEMS adalah tepat dan terkini.
- Permohonan yang telah dihadapkan akan disalurkan terlebih dahulu secara *online* kepada Pegawai Penghubung atau PoC Kementerian / Jabatan masing-masing.
- Laporan Sulit mengenai peribadi, mutu kerja pemohon dan sebagainya hendaklah dimua tnaik oleh PoC ke dalam Portal PSC Recruitment.
- Bagi Pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun, hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** selama tempoh perkhidmatannya.
- PoC adalah bertanggungjawab bagi menghadapkan pengesahan atau penolakan bagi pemohon di Kementerian / Jabatan berkenaan.

SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI:

PSC RECRUITMENT: TALIAN E-DARUSSALAM DI TALIAN 123
ATAU E-MEL info@123.com.bn
E-DARUSSALAM: TALIAN E-DARUSSALAM DI TALIAN 123
ATAU E-MEL info@123.com.bn
GEMS: +6732382407 ATAU E-MEL
gems.helpdesk@psd.gov.bn

UNTUK MEMBACA MAKLUMAN ATAU SOALAN LAZIM SILA
LAYARI: www.spa.gov.bn, recruitment.gov.bn &
FACEBOOK Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam-Brunei



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

PENGAMBILAN PELAJAR OGOS 2016

SESI AKADEMIK 2016 / 2017 -
BERMULA OGOS 2016

Kod PROGRAM DITAWARKAN
PROGRAM SIJIL
D003 DIPLOMA KEADILAN
JENAYAH SYARIAH

BAHASA PENGANTAR
Melayu

TEMPOH KURSUS
2 Tahun (24 bulan) -
Sepenuh masa
Tempoh maksimum :
3 Tahun

Sepuluh masa tidak ditawarkan

SYARAT-SYARAT KEMASUKAN

Calon-Calon Bagi Kemasukan Terus :

- (a) (i) Lulus peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Agama Brunei (STPUB) dengan mendapat sekurang-kurangnya pangkat *Maqbul*; **atau**
- (ii) Memperolehi sekurang-kurangnya dua (2) subjek dalam peperiksaan Brunei-Cambridge GCE 'A' Level; satu daripadanya subjek yang berkaitan; **atau**

(iii) Lulus dalam peperiksaan awam yang diiktirafkan sebagai sebanding dengannya; **atau**

(iv) Lulus Sijil Sistem Keadilan Jenayah Syariah; **atau**

(v) Mempunyai sijil Diploma Kebangsaan yang diperakui oleh Senat UNISSA.

(b) (i) Lulus Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Agama (SSSRU) **atau** yang sebanding dengannya; **atau**

(ii) Disahkan oleh UNISSA sebagai mempunyai kefahaman yang memadai dalam pengetahuan agama Islam dan / atau berkebolehan membaca al-Qur'an al-Karim dengan baik.

(c) Boleh memahami dan bertutur dalam bahasa Inggeris dengan baik.

(d) Syarat-syarat lain yang ditentukan oleh UNISSA dari semasa ke semasa.

Calon-Calon Matang :

Calon dikehendaki lulus :

(a) Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Agama (SSSRU) atau sebanding dengannya, atau disahkan oleh UNISSA sebagai mempunyai kefahaman yang memadai dalam pengetahuan agama Islam dan/atau berkebolehan membaca al-Qur'an al-Karim dengan baik.

(b) Sekurang-kurangnya memperolehi empat (4) kredit dalam peperiksaan GCE 'O' Level

atau Sijil Peperiksaan Agama Brunei (SPUB) atau sebanding dengannya.

(c) Boleh memahami dan bertutur dalam bahasa Inggeris dengan baik.

(d) (i) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mana-mana jabatan atau agensi pelaksanaan undang-undang atau perundangan syariah sekurang-kurangnya tiga (3) tahun, dan

(ii) Ditetapkan dalam jawatan masing-masing.

NOTA UMUM

1) Universiti hanya akan menimbangkan permohonan yang mempunyai sijil kelulusan yang diperolehi dari Universiti / Institusi / Lembaga Peperiksaan yang diiktiraf oleh Senat Universiti.

2) Hanya pemohon-pemohon yang disenarai-pendek / berjaya sahaja akan dihubungi.

3) Universiti berhak untuk menolak permohonan yang tidak lengkap, diterima lewat, atau mengandungi maklumat tidak benar.

4) Memenuhi syarat-syarat minima kemasukan tidak menjamin untuk diterima masuk mengikuti program di Universiti, kerana penerimaan adalah berdasarkan persaingan dan tertakluk adanya kekosongan.

5) Borang yang telah lengkap diisi berserta

salinan sijil dan dokumen-dokumen berkenaan yang telah disahkan hendaklah diserahkan kepada Pejabat Kemasukan dan Peperiksaan, UNISSA **sebelum atau pada 2 April 2016.**

6) Pemohon-pemohon terdiri dari pegawai kerajaan dan swasta, hendaklah dihantar salinan borang permohonan berkenaan melalui Ketua Jabatan, Kementerian atau Pengurus Syarikat masing-masing.

7) Program dan syarat kemasukan adalah betul semasa diterbitkan. Walau bagaimanapun, pihak Universiti berhak membuat perubahan kepada program dan syarat kemasukan apabila diperlukan.

Borang Permohonan bolehlah didapati di:

Jabatan Kemasukan dan Peperiksaan
Bangunan Pentadbiran
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Simpang 347, Jalan Pasar Baharu
Gadong BE 1310 Brunei Darussalam.

Telefon : 673-2462000 sambungan 438
Maklumat lanjut mengenai program ini bolehlah berhubung terus dengan
Fakulti Syariah dan Undang-Undang di
talian:

Telefon : 2462000 sambungan 189 / 397
atau 2462234

Faksimile : 2462233 / 44

Emel : fazira@unissa.edu.bn



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS :
III, IV DAN V SAHAJA
KATEGORI : (3 & 4g SAHAJA -
(KOD LAMA) (KA01 & M03 SAHAJA -
(KOD BAHARU)

TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN : 29 MAC 2016
(HARI SELASA)

TARIKH TUTUP :
12 APRIL 2016 (HARI SELASA)
TIDAK LEWAT DARI JAM :
2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN :
JKR/DWS/002/2016
NAMA PROJEK : KONTRAK
PENGAL BAGI KERJA
PEMELIHARAAN SISTEM CHLORINE
PERALATAN DAN PERSONAL
PROTECTIVE EQUIPMENT DI
LOJI RAWATAN AIR DAERAH
BRUNEI-MUARA, TUTONG DAN
TEMBURONG (2016 - 2018)
(NO. PROJEK : 2016DWS/B00411-2)

YURAN TAWARAN : BND500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)
YURAN E-DOKUMEN : -

Syarat-Syarat Tawaran :
TAWARAN-TAWARAN

hendaklah

dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain dari alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DBSKB ...") bolehlah

dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran kontraktor dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.

Pengerusi

Lembaga Tawaran Kecil
Bahagian Kewangan, Tingkat 1
Bangunan Kementerian Hal
Ehwal Ugama
Jalan Menteri Besar
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran telah mula dibukakan pada **hari Isnin, 5 Jamadilakhir 1437 Hijrah bersamaan 14 Mac 2016 Masihi** dan tarikh akhir mengambil borang tawaran ialah pada **hari Isnin, 19 Jamadilakhir 1437H bersamaan 28 Mac 2016M, jam 12.00 Tengah Hari.**

3. Tempat untuk mendapatkan Borang Tawaran tersebut ialah di **Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam** pada hari-hari dan jam kaunter bertugas sahaja.



KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

MAKLUMAN
TAWARAN PERKHIDMATAN
KAWALAN KESELAMATAN KE ATAS
BANGUNAN KOLEJ UNIVERSITI
PERGURUAN UGAMA
SERI BEGAWAN KM 2
JALAN RAJA ISTERI
PENGIRAN ANAK SALEHA
BANDAR SERI BEGAWAN

1. TAWARAN sebut harga hanya ini dipelawa kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam pekerjaan yang dimaksudkan (*bona-fide*) sahaja. Syarikat-syarikat / pemborong-pemborong dimestikan juga menghadapkan profil syarikat

(*company profile*) keatas pengalaman kerja yang pernah dilaksanakan dan yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dalam Kelas I & II SAHAJA di Negara Brunei Darussalam

2. Tawaran-tawaran mestilah dibuat di atas borang-borang tawaran yang dikeluarkan oleh Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dengan menggunakan BORANG ASAL (ORIGINAL FORM). Segala pertanyaan dan penerangan lanjut bagi mengikuti tawaran sebutharga ini bolehlah datang terus ke Pejabat Pendaftar, Bangunan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Batu 1, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

3. Bagi syarikat / pemborong yang berminat

untuk mengikuti tawaran sebut harga hendaklah menyertakan dan menghadapkan salinan SIJIL PENDAFTARAN 16 & 17 yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendaftaran syarikat-syarikat, Jabatan Peguan Negara, Negara Brunei Darussalam. Keutamaan akan diberikan kepada syarikat / pemborong yang mempunyai ALAMAT PERNIAGAAN YANG SENANG DIHUBUNGI. Serta hendaklah berdaftar di Tabung Amanah Pekerja (TAP), Kementerian Kewangan.

4. Borang-borang tawaran sebutharga hendaklah diisi dengan LENGKAP dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang BERTUTUP (*SEALED ENVELOPE*) dengan menulis BILANGAN TAWARAN, NAMA TAWARAN dan TARIKH TUTUP TAWARAN tanpa membubuh sebarang pengenalan atau identiti pemborong atau syarikat.

Semua tawaran hendaklah di masukkan ke dalam kotak peti tawaran seperti alamat di bawah ini :



**JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

TAWARAN PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN BOT TEMUAI :

BILANGAN TAWARAN	KETERANGAN	BAYARAN YURAN/ DOKUMEN TAWARAN	TARIKH TUTUP DAN WAKTU
MOE/LTK/85/2015/2016 (DA[BKP-MAC-2016])	TAWARAN PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN BOT TEMUAI SEBANYAK 16 BUAH BAGI KAWASAN ZON A DIBAWAH KAWALAN BAHAGIAN KENDERAAN DAN PENGANGKUTAN, JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN UNTUK TEMPOH TIGA (3) TAHUN MULAI 01 JULAI 2016 HINGGA 30 JUN 2019*	\$100.00 [Bayaran Dokumen Tawaran tidak dikembalikan]	22/03/2016 [Tidak lewat jam 2.00 petang]
MOE/LTK/86/2015/2016 (DA[BKP-MAC-2016])	TAWARAN PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN BOT TEMUAI SEBANYAK 14 BUAH BAGI KAWASAN ZON B	\$100.00 [Bayaran Dokumen Tawaran tidak dikembalikan]	22/03/2016 [Tidak lewat jam 2.00 petang]
	DIBAWAH KAWALAN BAHAGIAN KENDERAAN DAN PENGANGKUTAN, JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN UNTUK TEMPOH TIGA (3) TAHUN MULAI 01 JULAI 2016 HINGGA 30 JUN 2019*		

HARI DAN WAKTU

**PENERIMAAN WANG BAYARAN YURAN / DOKUMEN TAWARAN
ISIN HINGGA KHAMIS : 8.00 PAGI HINGGA 11.45 PAGI DAN
1.45 PETANG HINGGA 3.00 PETANG
SABTU : 8.00 PAGI HINGGA 10.00 PAGI**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SYARAT-SYARAT IKLAN TAWARAN

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.

2. Bayaran yuran tawaran bagi setiap tawaran adalah dikehendaki dalam bentuk wang tunai. Penender adalah dikehendaki membayar semua yuran tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada setiap penender sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide tender*).

3. Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

4. Sebelum mengambil borang, setiap penender hendaklah membayar yuran tawaran, di Tingkat 1, Blok 'B', Kaunter 1, Unit Tunai dan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'B', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam Sila pastikan resit pembayaran Yuran tawaran yang diterima adalah betul.

**HARI DAN WAKTU
PENERIMAAN WANG BAYARAN
YURAN / DOKUMEN TAWARAN
ISIN hingga KHAMIS
8.00 PAGI hingga 11.45 PAGI
1.45 PETANG hingga 3.00 PETANG
SABTU
8.00 PAGI hingga 10.00 PAGI**

5. Borang-borang tawaran boleh diperolehi di Tingkat 1, Blok 'A', Kaunter 6, Unit Tawaran dan Sebut Harga, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan menyertakan resit pembayaran.

6. Setiap borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 / 17 dan salinan resit bayaran yuran tawaran.

7. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan ditutup rapi. Pada bahagian atas kiri sampul surat hendaklah ditulis Bilangan Tawaran, Tajuk Tawaran dan Tarikh Tutup Tawaran tanpa menunjukkan identiti penender dan ditujukan kepada :

**PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BLOK 'A', TINGKAT 1
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
KEWANGAN 'A'
LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS
BANDAR SERI BEGAWAN, BA 3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

8. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Blok 'A' Tingkat 1, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.

9. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.

11. Setiap tawaran yang diisi dan ditulis dengan tidak betul, tidak jelas dan tidak lengkap adalah dikira rosak dan ditolak.

12. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

SYARAT TAMBAHAN

Antara syarat-syarat iklan yang perlu dipatuhi :

1. Penender adalah ditegah melibat sub-kontraktor atau menyewakan syarikat kepada pihak lain.

2. Penender hendaklah menyatakan harga yang ditawarkan bagi sewa sebulan.

3. Tempoh kontrak adalah selama tiga (3) tahun dan bayaran penuh hanya dibayar pada bulan Januari hingga November setiap tahun, manakala bulan Disember dikira mengikut hari perkhidmatan jika diperlukan sahaja.

4. Bot Temuai yang ditawarkan hendaklah berumur 10 tahun ke bawah pada 30 Jun 2019 atau didaftarkan bulan Jun 2009.

5. Bot Temuai yang ditawarkan hendaklah memenuhi spesifikasi yang telah ditetapkan dan mestilah lulus dalam peperiksaan teknikal Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan.



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**IKLAN TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH ARAB DAN
SEKOLAH UGAMA
JABATAN PENGAJIAN ISLAM, KEMENTERIAN
HAL EHWAL UGAMA
BAGI TEMPOH 3 (TIGA) TAHUN**

Bil Rujukan Tawaran : 1 KHEU/JPI/BPP3/K/47/06

**Nama Sekolah Ugama :
SEKOLAH UGAMA JERUDONG,
KAWASAN BRUNEI III**

**TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN SEKOLAH ARAB DAN
SEKOLAH UGAMA,
JABATAN PENGAJIAN ISLAM, KEMENTERIAN
HAL EHWAL UGAMA,
BAGI TEMPOH 3 (TIGA) TAHUN**

PEMBERITAHUAN TAWARAN

SYARAT-SYARAT, PANDUAN DAN MAKLUMAT :

1) **SEBUT HARGA** adalah dipelawa daripada Syarikat-Syarikat yang berdaftar terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2) Pemohon-pemohon yang berkhidmat dengan Kerajaan atau Syarikat-Syarikat swasta yang berhubungkait dengan Kerajaan seperti Brunei Shell Petroleum (BSP), Cold Gas (LNG), Royal Brunei Airlines (RBA) dan seumpamanya tidak akan diterima.

3) **Pemohon hendaklah membawa bersama SALINAN SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17 tersebut dan COP SYARIKAT semasa mengambil Borang Tawaran Sebut Harga.**

4) Setiap pemohon hendaklah mengambil 1 (satu) borang sahaja. (Tidak boleh berwakil)

5) Pemohon hendaklah menggunakan borang asal yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

6) Setiap Borang Sebut Harga hendaklah diisi dengan lengkap dan di Cop Syarikat dengan menggunakan dakwat berwarna **BIRU sahaja**.

7) Pemohon-pemohon hendaklah terdiri daripada penduduk yang tinggal di Daerah tempat Sekolah tersebut.

8) Borang Sebut Harga serta **salinan SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17** hendaklah dimasukkan kedalam sampul surat biasa yang tertutup (*sealed envelope*) menulis dengan jelas **TAJUK & BILANGAN TAWARAN DAN TARIKH TUTUP** tanpa membubuh sebarang pengenalan atau identiti Syarikat / Pemborong.

9) Borang Tawaran hendaklah dikembalikan dan dimasukkan kedalam **PETI SEBUT HARGA** yang ditujukan kepada :-

Tarikh Tutup Mengambil borang : **29 Mac 2016M (Hari Selasa)**

Dan hendaklah dimasukkan kedalam **PETI SEBUT HARGA** yang ditujukan kepada :-

**PETI SEBUT HARGA
BAHAGIAN KEWANGAN
TINGKAT 1
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
JALAN MENTERI BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Tarikh Akhir Menghantar : 30 Mac 2016M (Hari Rabu) tidak lewat jam 2.00 Petang.

10) Setiap Satu Borang Tawaran Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat.

11) Borang Tawaran Sebut Harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan **TIDAK AKAN DILAYAN**.

12) Berikut adalah masa-masa bagi mengambil Borang-Borang Tawaran Sebut Harga:-

**ISIN hingga KHAMIS 8.00 Pagi 11.00 Pagi
2.00 Petang 3.00 Petang
SABTU 8.00 Pagi 11.00 Pagi**

13) Borang-borang Tawaran Sebut Harga boleh diperolehi di Bahagian Kewangan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Blok 2 I, Tingkat 4, Kondominium Ong Sum Ping, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan BA1311, Negara Brunei Darussalam.



**MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH DI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DIBANDAR SERI BEGAWAN**

**KEBANKRAPAN NO.BCY/CP/ 49 /
2009**

HSBCFINANCE (B) BERHAD

... Pemiutang / Pemetisyen

Vs

**HASNAH BINTI HJ TALIP/HJ MD
TALIP**

(BYIC NO. 00-049678)

... Penghutang / Penentang

NOTIS PEMBATALAN

Sila ambil perhatian bahawa Perintah

Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 11 Jun 2009 telah dibatalkan pada 14 Januari 2016.

Nama Penghutang :

**HASNAH BINTI HJ TALIP / HJ MD
TALIP**

Alamat Penghutang :

No. 13, Jalan Seri Laila Jasa
Kampung Perpindahan Mata-Mata
Gadong BC2315
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh : 2 Mac 2016.

**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam**



**JABATAN DAERAH TEMBURONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

JAWATAN KOSONG SEBAGAI

**KETUA KAMPUNG TINGKAT III
PMKK.3 (\$2,270 - \$4,240)**

atau

**KETUA KAMPUNG TINGKAT II
PMKK.2 (\$1,990 - \$2,970)**

atau

**KETUA KAMPUNG TINGKAT I
PMKK.1 (\$1,280 - \$2,270)**

Bagi

**KAMPUNG BELAIS DAN BUDA-BUDA,
MUKIM BOKOK
DAERAH TEMBURONG**

ADALAH dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Temburong dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di Kampung Belais dan Buda-Buda (Mukim Bokok) untuk menghadapi pencalonan bagi mengisi jawatan sebagai Ketua-Ketua Kampung bagi Kampung Belais dan Buda-Buda, Mukim Bokok, Daerah Temburong.

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN
CALON KETUA KAMPUNG**

1. Calon Ketua Kampung hendaklah :-
 - (i) Seorang lelaki yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
 - (ii) Berumur tidak kurang empat puluh lima (45) tahun dan tidak lebih lima puluh lima (55) tahun pada tarikh pencalonan diadakan.
 - (iii) Mempunyai pengetahuan baik dalam agama Islam, kemasyarakatan dan adat istiadat dan resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat kampung berkenaan.
 - (iv) Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemeduliaan dan prihatin.
 - (v) Calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau di pihak swasta mestilah mendapat sokongan kuat daripada ketua jabatan atau majikannya serta mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dari tarikh

pencalonan. Mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai CEMERLANG adalah merupakan satu kelebihan.

(vi) Calon yang terdiri daripada pegawai kerajaan akan dipersarakan jika dilantik sebagai Ketua Kampung dan akan menikmati faedah dari jawatannya seperti yang ditetapkan dalam Akta Pencen.

(vii) Calon hendaklah tinggal menetap dan mempunyai rumah kediaman sendiri atau tinggal bersama di rumah kediaman kepunyaan ibu bapanya di kampung ia memohon sebagai Ketua Kampung tidak kurang dua (2) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan.

(viii) Calon yang tidak memenuhi syarat di 1 (vii) di atas hendaklah terdiri daripada penduduk asal di kampung yang ia memohon untuk menjadi Ketua Kampung dan hendaklah tinggal dan menetap di kampung tersebut apabila dilantik sebagai Ketua Kampung sama ada di rumah kediaman sendiri atau rumah kediaman ibu bapanya di kampung berkenaan.

(ix) Disahkan oleh Pegawai Perubatan yang berdaftar dan diiktiraf oleh kerajaan sebagai sihat tubuh badan sebelum majlis pemilihan dan pengundian dan berupaya menjalankan tugas-tugasnya sebagai seorang Ketua Kampung.

(x) Tidak menjadi ahli atau terlibat dengan mana-mana pertubuhan siasah (politik) luar dan dalam negeri.

(xi) Bersih dan bebas dari semua tapisan keselamatan, rekod-rekod jenayah, mana-mana tindakan tatatertib dan disiplin semasa berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan atau di pihak swasta atau dalam mana-mana badan atau pertubuhan dan yang berkenaan.

(xii) Tidak diisytiharkan sebagai seorang muflis di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di dalam dan luar negara dalam tempoh dua (2) tahun sebelum tarikh tutup pencalonan.

(xiii) Bagi jawatan **KETUA KAMPUNG TINGKAT I** dengan tangga gaji **PMKK.3**, hendaklah mempunyai kelayakan berikut :

- (a) Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (OND) atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan. Calon

yang mempunyai kelulusan lebih tinggi dan pengalaman yang lebih lama akan diberikan keutamaan.

(b) Mempunyai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah VI adalah satu kelebihan.

(c) Disahkan aktif dalam Majlis Perundingan Mukim dan / atau Majlis Perundingan Kampung dan / atau Jawatankuasa Takmir Masjid oleh Penghulu Mukimnya.

(xiv) Bagi jawatan **KETUA KAMPUNG TINGKAT II** dengan tangga gaji **PMKK.2**, hendaklah mempunyai kelayakan berikut :-

- (a) Mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) mata pelajaran peringkat Sijil Am Pelajaran Peringkat Lanjutan atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan. Calon yang mempunyai kelulusan lebih tinggi dan pengalaman yang lebih lama akan diberikan keutamaan.

(b) Mempunyai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah VI adalah satu kelebihan.

(c) Disahkan aktif dalam Majlis Perundingan Mukim dan / atau Majlis Perundingan Kampung dan / atau Jawatankuasa Takmir Masjid oleh Penghulu Mukimnya.

(xv) Bagi jawatan **KETUA KAMPUNG TINGKAT III** dengan tangga gaji **PMKK.1**, hendaklah mempunyai kelayakan berikut :-

- (a) Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) mata pelajaran kredit peringkat Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan. Calon yang mempunyai kelulusan lebih tinggi dan pengalaman yang lebih lama akan diberikan keutamaan.

(b) Mempunyai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah VI adalah satu kelebihan.

(c) Disahkan aktif dalam Majlis Perundingan Mukim dan / atau Majlis Perundingan Kampung dan / atau Jawatankuasa Takmir Masjid oleh Penghulu Mukimnya.

(xvi) Syarat-syarat lain

(a) Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa dan di mana-mana saja.

(b) Hendaklah bersedia untuk menjadikan rumah kediamannya sebagai tempat perjumpaan dengan penduduk kampung.

(c) Syarat-syarat lain yang dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

**TATACARA PENCALONAN
KETUA KAMPUNG**

1. Setiap pencalonan bagi mengisi jawatan Ketua Kampung mestilah dibuat mengikut tatacara berikut :-

(a) Calon hendaklah dicalonkan dengan menggunakan Borang Pencalonan yang disediakan oleh Jabatan Daerah dengan ditandatangani oleh calon serta disahkan oleh Penghulu Mukim sebagai pernyataan pengakuan dan persetujuan ke atas pencalonannya.

(b) Penamaan calon atau calon-calon hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Daerah sebelum tarikh penutupan pencalonan dan sebarang penamaan calon selepas tarikh tutup pencalonan adalah tidak sah dan tidak diterima.

(c) Calon yang tidak menandatangani Borang Pencalonan tidak akan diterima sebagai calon.

(d) Penarikan diri dari pencalonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pegawai Daerah pada bila-bila masa sebelum tarikh pengundian.

2. Calon, Pencadang dan Penyokong

(a) Pencadang dan Penyokong hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam berumur tidak kurang lapan belas (18) tahun pada tarikh pencalonan.

(b) Pencadang dan Penyokong hendaklah terdiri daripada penduduk kampung berkenaan dan tinggal menetap di kampung tersebut pada tarikh tutup pencalonan.

(c) Pencadang dan Penyokong hanya boleh mencadang dan menyokong seorang calon sahaja.

(d) Pencadang dan Penyokong boleh dicalonkan.

**TATACARA MENGHADAPKAN
BORANG PENCALONAN :**

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut :-

**Bahagian Institusi Mukim dan Kampung
Jabatan Daerah Temburong
Daerah Temburong
Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada hari **Sabtu, 15 Rejab 1437 bersamaan 23 April 2016, jam 4.00 Petang.**



**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

REQUEST FOR PROPOSALS (RFP)

**DEPARTMENT OF AGRICULTURE
AND AGRIFOOD,
MINISTRY OF PRIMARY
RESOURCES AND
TOURISM (MPRT)
Open Invitation for Proposals**

**TO INVEST, DEVELOP, OPERATE
AND PRODUCE
VEGETABLES PRODUCTION
IN TUNGKU AGRICULTURE
DEVELOPMENT AREA:
AGROTECHNOLOGY PARK (SITE B),
BRUNEI DARUSSALAM
Reference No: MPRT/RFP/2016/02**

THE Department of Agriculture and Agrifood, Ministry of Primary Resources and Tourism invites proposals from interested parties to invest, develop, operate and produce vegetables production in the designated area within Tungku Agricultural Development Area: Agrotechnology Park (Site B), Brunei Darussalam.

The objective of this project is:

1. To develop and produce a sustainable vegetables production within 40 hectare of Tungku Agriculture Development Area;
2. To increase production of vegetables industry;
3. To produce for export; and

4. To generate employment for the locals
More detailed information and guidelines for submitting proposals will be provided in the Request for Proposals (RFP) document.

To register for the RFP, interested parties should send an email to rfp@mprt.gov.bn with subject heading, "Proposals to Invest, Develop, Operate, and Produce Vegetables Production in Tungku Agriculture Development Area: Agrotechnology Park (Site B), Brunei Darussalam", attaching information on the company, relevant experience as well as contact details.

Detailed RFP documents can be obtained from the Department of Agriculture and Agrifood, Ministry of Primary Resources and Tourism or through email rfp@mprt.gov.bn.

Completed proposal should be submitted to the address below **not later than 3.00 p.m. on Monday, 30th May 2016.**

**Tender Box
Ground Floor
Ministry of Primary Resources and
Tourism
Jalan Menteri Besar,
Bandar Seri Begawan, BB 3910
Negara Brunei Darussalam.**

For all correspondence, please contact :

**Agriculture Department Area Unit
Department of Agriculture and Agrifood**

**Ministry of Primary Resources and
Tourism
Old Airport, Brunei Darussalam
Telephone No: +673 2388064 / 2388065/
2388062
Email: rfp@mprt.gov.bn**

REQUEST FOR PROPOSALS (RFP)

**DEPARTMENT OF AGRICULTURE
AND AGRIFOOD,
MINISTRY OF PRIMARY
RESOURCES AND
TOURISM (MPRT)
Open Invitation for Proposals**

**TO INVEST, DEVELOP, OPERATE
AND PRODUCE HIGH VALUE
ORNAMENTAL PLANTS IN
AGROTECHNOLOGY PARK
GREENHOUSES,
BRUNEI DARUSSALAM
Reference No: MPRT/RFP/2016/03**

THE Department of Agriculture and Agrifood, Ministry of Primary Resources and Tourism invites proposals from interested parties to invest, develop, operate and produce high value ornamental plants in Agrotechnology Park Greenhouses, Brunei Darussalam.

The objective of this project is:

1. To produce high-value ornamental plants with high productivity using high / advanced technologies;
2. To produce for export and domestic market; and

3. To generate employment for the locals.
More detailed information and guidelines for submitting proposals will be provided in the Request for Proposals (RFP) document.

To register for the RFP, interested parties should send an email to rfp@mprt.gov.bn with subject heading, "Proposals to Invest, Develop, Operate, and Produce High Value Ornamental Plants in Agrotechnology Park Greenhouses, Brunei Darussalam", attaching information on the company, relevant experience as well as contact details.

Detailed RFP documents can be obtained from the Department of Agriculture and Agrifood, Ministry of Primary Resources and Tourism or through email rfp@mprt.gov.bn.

Completed proposal should be submitted to the address below **not later than 3.00 p.m. on Monday, 30th May 2016.**

**Tender Box
Ground Floor
Ministry of Primary Resources and
Tourism
Jalan Menteri Besar,
Bandar Seri Begawan, BB 3910
Negara Brunei Darussalam.**

For all correspondence, please contact :

**Agriculture Department Area Unit
Department of Agriculture and Agrifood
Ministry of Primary Resources and
Tourism
Old Airport, Brunei Darussalam
Telephone No: +673 2388064 / 2388065/
2388062
Email: rfp@mprt.gov.bn**



**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

**KEBANKRAPAN NO. 121 TAHUN 2015
HSBC FINANCE (BRUNEI) BERHAD**

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisysen
Vs

**MOHAMAD SHAHRUL
BIN HAJI SAWAL
(BYIC NO. 00-276656)**

... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **3 September 2015**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

**MOHAMAS SHAHRUL
BIN HAJI SAWAL**

No. 669, Kampung Pengkalan Mau
Jalan Lamunin, Tutong, TE1343
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 13 Mei 2015.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **3 September 2015**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **3 Mac 2016, jam 9.45 Pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **3 Mac 2016, jam 9.45 Pagi**.

Bertarikh : **9 Februari 2016**.

**KEBANKRAPAN NO. 519 TAHUN 2015
BIBD AT-TAMWIL BERHAD**

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisysen
Vs

**ADI HAZWANY BIN HARIRAYA
(BYIC NO. 00-314668)**

... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **16 Januari 2016**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

ADI HAZWANY BIN HARIRAYA

No. 12, Simpang 14, Jalan 99
RPN Lambak Kanan, BC2315
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 3 Disember 2015.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **16 Januari 2016**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **16 Mac 2016, jam 10.00 Pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **16 Mac 2016, jam 10.00 Pagi**.

Bertarikh : **9 Februari 2016**.

**KEBANKRAPAN NO. 566 TAHUN 2015
BIBD AT-TAMWIL BERHAD**

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisysen
Vs

**ABDUL AFIQ BIN HAJI MATAYIR
(BYIC NO. 00-311771)**

... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **16 Januari 2016**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

ABDUL AFIQ BIN HAJI MATAYIR

No. 278 'A', Simpang 265, Kampung Bunga
Jalan Jerudong

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 4 Disember 2015.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **16 Januari 2016**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **16 Mac 2016, jam 9.45 Pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **16 Mac 2016, jam 9.45 Pagi**.

Bertarikh : **9 Februari 2016**.

**KEBANKRAPAN NO. 456 TAHUN 2015
BIBD AT-TAMWIL BERHAD**

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisysen
Vs

**HJH. BIBI DIANA BINTI HJ. AHMAD
(BYIC NO. 00-287818)**

... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **12 Disember 2015**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

HJH. BIBI DIANA BINTI HJ. AHMAD

No. 10 Simpang 884-25-11
Kampung Jangsak, Gadong, BF2720
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 1 Disember 2015.

**KEBANKRAPAN NO. 192 TAHUN 2014
HSBC FINANCE (B) BERHAD**

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisysen
Vs

**MOHAMAD SUFFIAN
BIN HAJI YUSOF
(BYIC NO. 00-256812)**

... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **28 Januari 2016**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

MOHAMAD SUFFIAN BIN HAJI YUSOF

Lot. 4018, No. 16 'A', Jalan Setia Pahlawan
Kuala Belait, KA1931
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 20 September 2014.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **28 Januari 2016**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **2 Mac 2016, jam 10.15 Pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **16 Mac 2016, jam 10.15 Pagi**.

Bertarikh : **13 Februari 2016**.

**KEBANKRAPAN NO. 298 TAHUN 2014
HSBC FINANCE (B) BERHAD**

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisysen
Vs

**PG. SAMAN BIN PG. HJ.
MOHD. YASSIN
(BYIC NO. 00-126210)**

... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **6 Ogos 2015**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

PG. SAMAN

BIN PG. HJ. MOHD. YASSIN

No. 114'A', Simpang 73-13
Kampung Orang Kaya Besar Imas
Jalan Pulaie, Bandar Seri Begawan, BB4113
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 29 April 2015.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **6 Ogos 2016**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **9 Mac 2016, jam 9.15 Pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **16 Mac 2016, jam 9.15 Pagi**.

Bertarikh : **23 Januari 2016**.

**KEBANKRAPAN NO. 96 TAHUN 2015
HSBC FINANCE (B) BERHAD**

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisysen
Vs

**MOHAMMAD AMLI BIN MATAYIR
(BYIC NO. 00-288607)**

... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **7 Januari 2016**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

MOHAMMAD AMLI BIN MATAYIR

No. 278 'A', Simpang 265
Kampung Bukit Bunga, Jerudong, BG3322
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 28 Oktober 2015.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **7 Januari 2016**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **16 Mac 2016, jam 2.15 Petang**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **16 Mac 2016, jam 2.15 Petang**.

Bertarikh : **13 Februari 2016**.

**KEBANKRAPAN NO. 15 TAHUN 2015
HSBC FINANCE (B) BERHAD**

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisysen
Vs

**FAUZIAH BINTI HAJI YAKUP
(BYIC NO. 00-290894)**

... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **30 April 2015**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

FAUZIAH BINTI HAJI YAKUP

No. 3, Simpang 59-65, Jalan Tanjung Bunut
Kanan, Selayun, BG1721
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 6 April 2015.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **30 April 2015**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **5 Mac 2016, jam 9.15 Pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **5 Mac 2016, jam 9.15 Pagi**.

Bertarikh : **9 Februari 2016**.

**KEBANKRAPAN NO. 108 TAHUN 2015
BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisysen
Vs

**MAIL BIN MINGGAS @ MANGGIS
(ABDB NO. 00-259069)**

... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **14 November 2015**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

MAIL BIN MINGGAS @ MANGGIS

No. 18, Simpang 85, Jalan Tekiding
STKRJ Kampung Lugu
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 28 Oktober 2015.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **14 November 2015**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **9 Jun 2016, jam 9.00 Pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **9 Jun 2016, jam 9.00 Pagi**.

Bertarikh : **13 Februari 2016**.

**KEBANKRAPAN NO. 259 TAHUN 2014
BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**

... Pemiutang Penghakiman / Pemetisysen
Vs

**EZZEDDIN BIN HAJI ABDULA
RAHMAN
(BYIC NO. 00-259711)**

... Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **12 Disember 2015**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

**EZZEDDIN BIN HAJI ABDULA
RAHMAN**

No. 22, Simpang 10, Jalan 17
Kampung Perpindahan Lambak Kanan
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 22 April 2015.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **12 Disember 2015**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **9 Jun 2016, jam 9.45 Pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **9 Jun 2016, jam 9.45 Pagi**.

Bertarikh : **13 Februari 2016**.

Semua si piutang-si piutang kepada nama penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

Semua hutang yang seharusnya dibayar kepada penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar.**

Pasukan Port 'A' muncul juara

Berita dan Foto :
Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 13 Mac. - Kepantasan serang balas dari pasukan Port 'A' (Jabatan Pelabuhan 'A') berjaya menobatkan mereka juara bagi Kejohanan Futsal 5 Orang Sepasukan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya setelah menumpaskan JPD 'A' (Jabatan Pengangkutan Darat 'A') dengan keputusan berakhir dengan kedudukan 2 - 0.

JPD 'A' secara langsung menjadi naib johan pada kejohanan tersebut, manakala Port 'B' (Jabatan Pelabuhan 'B') memenangi tempat ketiga selepas berjaya mengalahkan pasukan Laut (Jabatan Laut) dengan keputusan 2 - 0.

Pemain dari pasukan Port 'A', Awangku Haji Muhd. Aiman bin Pengiran Haji Mohamed berjaya memenangi hadiah sebagai penjaring terbanyak kejohanan berkenaan.

Kejohanan yang diadakan selama sehari itu diselenggarakan oleh Kementerian Perhubungan bersama Jabatan Penerbangan Awam, bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Kejohanan berkenaan adalah bagi merebut Piala Yang Berhormat Menteri Perhubungan yang dirasmikan oleh Pengarah di Bahagian Dasar Pengangkutan, Kementerian Perhubungan, Dayang Hajah Airah binti Haji Abdullah.

Hadir selaku tetamu kehormat pada kejohanan akhir ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat (belakang, empat dari kanan) semasa bergambar ramai bersama pasukan Port 'A' (Jabatan Pelabuhan 'A') yang dinobatkan juara pada Kejohanan Futsal 5 Orang Sepasukan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Kementerian Perhubungan, Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad; pengarah-pengarah bahagian, ketua-ketua jabatan, timbalan-timbalan ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Kejohanan ini antara lain bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim di antara warga Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya juga sebagai persiapan awal dalam pemilihan pemain bagi mewakili pasukan Kementerian Perhubungan

pada Kejohanan-kejohanan Futsal Peringkat Kementerian.

Pasukan-pasukan yang ikut serta di dalam kejohanan ini adalah terdiri dari Kementerian Perhubungan, Jabatan Pengangkutan Darat, Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan, Jabatan Perkhidmatan Pos, Jabatan

Penerbangan Awam, Jabatan Laut, Jabatan Kajiucaca dan Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi (AITI).

Majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Sefli, Siti Fatimah johan Cabaran Amal Bukit Patoi



PESURUHJAYA Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Bahrin bin Mohd. Noor (tengah) menyampaikan hadiah kepada johan dalam Kategori Lelaki Terbuka, Sefli anak Ahar.

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Ahad, 13 Mac. - Sefli anak Ahar dan Siti Fatimah binti Haji Abu Bakar masing-masing muncul johan dalam Kategori Lelaki Terbuka dan Wanita Terbuka semasa berlangsungnya Cabaran Amal Bukit Patoi sempena Sambutan Hari Polis Ke-95 Tahun.

Tempat kedua bagi Kategori Lelaki dan Wanita Terbuka masing-masing dimenangi oleh Razali bin Sabli dan Cecilia Maksimon manakala tempat ketiga diraih oleh Mohd. Shah Azhar bin Abdullah Ahar @ Philip anak Ahar dan Eleyina binti Sabtu.

Penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Bahrin bin Mohd. Noor.

Terdahulu Dato Paduka Seri Awang Haji Bahrin juga menyempurnakan pelepasan bagi setiap kategori.

Para peserta yang menyahut cabaran ini memulakan cabaran dengan berlari sejauh lima kilometer, bermula di kawasan letak kereta Taman Rekreasi Bukit Patoi menuju masuk ke Simpang Jalan Kampung Meragang, Labu sebelum menuju semula ke kawasan letak kereta dan seterusnya mendaki Bukit Patoi.

Antara yang hadir dan seterusnya menyertai cabaran bagi Kategori Fun Run semasa cabaran anjuran Daerah Polis Temburong dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Kerja Tertinggi Sambutan Hari Polis Ke-95 Tahun ini ialah Pemangku Pengarah Jabatan Perisikan Jenayah, ACP Pengiran Haji Zainal bin Pengiran Haji Mohd Yassin yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja sambutan dan Pegawai Pemerintah Daerah Polis Temburong, Penguasa Polis Mohd Azrie bin Haji Talip.



**DAFTARKAN NAMA-NAMA PERNIAGAAN
TUBUHKAN SYARIKAT-SYARIKAT
SECARA ONLINE**



**BAYARAN
ONLINE**



CEPAT & MUDAH



**BOLEH DIAKSES
BILA-BILA MASA**

Untuk mendaftar dan maklumat lanjut, sila layari: www.roc.gov.bn

Telefon: +673 2380505

Email: info.roc@n@mof.gov.bn

Minggu Bahasa, Budaya UBD Promosi budaya antarabangsa



PENGARAH Pusat Bahasa UBD, Profesor Madya Dr. Haji Noor Azam bin Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman menyampaikan ucapan alu-aluan pada Majlis Pelancaran Minggu Bahasa dan Kebudayaan UBD 2016.

TUNGKU, Rabu, 9 Mac. - Pusat Bahasa, Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengendalikan Minggu Bahasa dan Budaya 2016 selama empat hari sempena memperingati Ulang Tahun UBD Ke-30.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Minggu Bahasa dan Budaya UBD 2016 yang berlangsung di Dewan Canselor, universiti berkenaan ialah Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik), Profesor Madya Dr. Mohd Ayub Sadiq @ Lin Naing.

Sementara itu, Pengarah Pusat Bahasa, UBD, Profesor Madya Dr. Haji Noor Azam bin Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman dalam ucapannya

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Nordina Haji Abd. Rahman

menjelaskan, sejak penubuhannya pada tahun 2001, Pusat Bahasa, UBD (UBD-LC) menduduki kedudukan yang utama dalam pembelajaran bahasa di Brunei Darussalam.

Di bawah ijazah GenNext katanya, pelajar UBD dari pelbagai latar belakang kini boleh mengambil kelas bahasa di pusat tersebut dan menamatkan pengajian Minor Degree dalam bahasa-bahasa tertentu termasuk bahasa-bahasa Borneo seperti bahasa Dusun, Tutong dan Iban.

"Tema Sambutan Ulang Tahun Ke-30 UBD adalah 'Inovasi' dan selain mempromosi budaya menarik dari seluruh dunia, dalam tempoh empat hari juga mengetengahkan pendekatan pengajaran bahasa dengan teknologi, terutamanya UBD Online Technology (CANVAS) bagi menyokong pendekatan pembelajaran di bilik kuliah," ujarnya.

Beliau seterusnya berkata, Minggu Bahasa dan Budaya ini diadakan untuk mempromosikan kewujudan Pusat Bahasa UBD sebagai pusat pengajaran dan pembelajaran bahasa utama yang menawarkan perkhidmatan bahasa profesional bukan sahaja masyarakat UBD, tetapi juga pihak lain.

Minggu Bahasa dan Budaya UBD 2016 menampilkan siri demonstrasi dan persembahan bahasa-bahasa yang ditawarkan di Pusat Bahasa, iaitu bahasa Melayu, Inggeris, Jepun, Korea, Mandarin, Filipina, Arab, Jerman, Perancis dan bahasa asli tempatan, Dusun.

Salah satu matlamat Minggu Bahasa dan Budaya ini adalah untuk meningkatkan kesedaran awam serta pendedahan kepada budaya antarabangsa dan memberi galakan kepada pengunjung untuk mempelajari bahasa-bahasa lain.

Dengan berkonsepkan 'Fun and Games' yang memberikan tumpuan pada aktiviti-aktiviti interaktif serta bermaklumat, secara tidak langsung pengunjung boleh menyedari bahawa belajar bahasa baharu boleh menjadi aktiviti yang menyeronokkan selain dari membawa manfaat untuk memperolehi kemahiran yang berharga.

Minggu Bahasa dan Budaya ini mempersembahkan bahasa dan budaya yang berbeza, dengan pelbagai pilihan aktiviti menyeronokkan dan semuanya berada di bawah satu



PENOLONG Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik), Profesor Madya Dr. Mohd Ayub Sadiq @ Lin Naing (dua, kiri) menerima penerangan mengenai dengan kebudayaan Puak Dusun.

bumbung yang sama.

Pelbagai jenis makanan dan cenderamata perhiasan rumah juga

akan turut dijual selaras dengan budaya penjual masing-masing bagi pengunjung yang berminat.

Pelajar Jepun diperkenalkan kepada keluarga angkat

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Mac. - Pemangku Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Pengiran Anak Md. Sofian bin Pengiran Anak Haji Ibrahim, menerima kunjungan daripada 20 penuntut bersama dua guru dari Sekolah Tinggi Murakami Nigata Jepun dalam Projek Rangkaian Pertukaran Pelajar dan Belia Jepun-Asia 2015 (JENESYS 2015) bertempat di Bilik Persidangan Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Majlis diteruskan dengan memperkenalkan rombongan kepada keluarga angkat masing-masing 'Homestay Matching', yang mana para penuntut berpeluang untuk tinggal di rumah keluarga angkat mereka selama dua hari satu malam sebagai salah satu cara mendedahkan dan mengalami sendiri budaya tradisi dan kehidupan orang Brunei serta makanan tempatan.

Lawatan selama seminggu ini adalah untuk mempelajari mengenai ekonomi, sejarah, alam semula



KETUA Rombongan JENESYS 2015, Guru Kanan di Niigata Prefectural Murakami Secondary Education School, Mr. Masato Morihira semasa dalam kunjungan hormat kepada Pemangku Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Pengiran Anak Md. Sofian bin Pengiran Anak Haji Ibrahim (tiga, kiri).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

jadi, budaya, dan kemasyarakatan kedua-dua buah negara serta bertukar-tukar pandangan untuk memahami perhubungan Jepun dan Brunei Darussalam.

JENESYS 2015 adalah Program Pertukaran Belia yang dilancarkan oleh Kerajaan Jepun untuk menggantikan JENESYS (2007 - 2011) dan JENESYS (2013 - 2014).

Pelajar Jepun lawat SMPDSMM



SEBAHAGIAN daripada seni grafi oleh penuntut-penuntut Jepun.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

MENTIRI, Sabtu, 12 Mac. - Seramai 20 penuntut bersama dua guru dari Sekolah Tinggi Murakami Nigata Jepun dalam Projek Rangkaian Pertukaran Pelajar dan Belia Jepun-Asia 2015 meneruskan lawatan ke Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja Mentiri (SMPDSMM).

Majlis dimulakan dengan bacaan

Surah Al-Fatihah dan diikuti dengan nyanyian lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Semasa berada di negara ini para pelajar tersebut dibawa melawat ke tempat-tempat bersejarah yang memperlihatkan budaya orang Brunei termasuk Kampong Ayer, mangrove, Bangunan Alat-Alat Kebesaran

Diraja, masjid dan muzium.

Selain itu, mereka juga membuat pembentangan mengenai ekonomi Jepun, sejarah, alam semula jadi, budaya dan masyarakat mereka kepada segelintir pelajar di negara ini.

Para pelajar dari kedua-dua buah negara juga berpeluang untuk saling bertukar-tukar pendapat dan pandangan sekali gus mengadakan lawatan yang mempunyai hubungan kebudayaan di antara kedua-dua buah negara di mana Kerajaan Jepun menggalakkan para belia yang dijangka akan memainkan peranan yang aktif dan penting dalam pelbagai bidang pada masa akan datang.

Program tersebut menjemput atau menghantar para pelajar dan belia untuk mengikuti pertukaran di antara Jepun dan negara-negara Asia, Oceania, Amerika Utara, Eropah dan Amerika Latin, dengan tujuan untuk menggalakkan pemahaman

yang lebih baik mengenai negara Jepun, memupuk masyarakat menyukai Jepun dan memperluaskan infrastruktur.

Para perwakilan belia ini memainkan peranan untuk menyebarkan dasar luar dan tarikan lain di Jepun secara proaktif supaya dapat menyumbang dan meningkatkan imej dan minat berterusan terhadap Jepun dalam masyarakat antarabangsa.

Dalam JENESYS 2015 melalui salah satu 'Program Hubungan Persahabatan Jepun', kira-kira 3,700 belia (sekolah tinggi / pelajar universiti / siswazah / orang dewasa, dan lain-lain) di Jepun dan Asia dan Oceania Wilayah akan berpeluang untuk mengambil bahagian dalam program pertukaran ini.

Kira-kira 2,000 belia akan dijemput ke Jepun dari negara anggota ASEAN (Republik Indonesia, Republik Singapura, Thailand, Republik

Filipina, Malaysia, Negara Brunei Darussalam, Viet Nam, Myanmar, Republik Demokratik Rakyat Lao dan Kemboja) dan Timor-Leste dan juga sebaliknya belia Jepun dihantar ke negara-negara ASEAN bagi kedua-dua program JENESYS 2015.

Lawatan bertujuan untuk mempelajari mengenai masyarakat, sejarah, budaya dan alam semula jadi Negara Brunei Darussalam serta mengeratkan lagi hubungan dua hala kedua-dua buah negara.

Projek JENESYS 2.0 adalah Program Pertukaran Belia yang dilaksanakan oleh Kerajaan Jepun pada tahun 2007, tetapi baru bermula pada tahun 2013 dengan anggaran seramai 30 ribu belia dari seluruh Asia, Kepulauan Pasifik dan Amerika Utara menyertai projek ini.

Negara Brunei Darussalam menyertai program tersebut sejak tahun 2013 di mana kira-kira 300 pelajar telah menyertainya.

Kehilangan deria pendengaran jejaskan kehidupan

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor



PAKAR Bersekutu ORL dari Jabatan ORL, Pengiran Hajah Norsuhazenah binti Pengiran Haji Suhaili semasa ditemu bual oleh media.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 6 Mac. - Hari Kesihatan Telinga dan Pendengaran Sedunia disambut pada 3 Mac setiap tahun di seluruh dunia bagi memberi kesedaran kepada orang ramai tentang pentingnya penjagaan telinga dan pendengaran yang baik.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Otorinolaringologi (ORL) yang sebelum ini dikenali sebagai Klinik Telinga, Hidung dan Tekak (ENT) buat pertama kalinya telah mengadakan Jerayawara mengenai Penjagaan Kesihatan Telinga dan Pendengaran yang berlangsung di Airport Mall, Berakas.

Pakar Bersekutu ORL dari Jabatan ORL, Pengiran Hajah Norsuhazenah

binti Pengiran Haji Suhaili berkata, jerayawara itu bertujuan untuk menyebarkan maklumat mengenai penjagaan kesihatan telinga dan pendengaran kepada orang ramai dari semua peringkat lapisan masyarakat.

"Kebanyakan pesakit-pesakit yang dirawat di Klinik ORL disebabkan oleh penjagaan telinga yang tidak betul dan dari jerayawara ini kami berharap dapat mengajar tatacara penjagaan telinga yang betul kepada orang ramai," ujarnya kepada Pelita Brunei.

Selain itu, beliau memberitahu, jabatan ini juga ingin memberi maklumat kepada para pengunjung tentang perkhidmatan audiologi yang ada di bawah Jabatan ORL dan juga perkhidmatan saringan pendengaran anak damit yang telah diadakan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) sejak tahun lepas.

"Kehilangan deria pendengaran dapat menjejaskan kehidupan kita dari segi komunikasi dan interaksi dengan orang-orang di sekeliling kita. Bagi golongan kanak-kanak, ia akan menyebabkan masalah pembelajaran dan pertuturan, manakala bagi orang dewasa, masalah sebegini akan memberi kesan kepada pergaulan seharian mereka dan boleh menyebabkan kemurungan," jelas beliau.

Jabatan ORL, dalam jerayawara itu, juga mengadakan pameran yang berkaitan mengenai penjagaan kesihatan telinga dan pendengaran termasuk pemeriksaan kesihatan telinga secara percuma serta penerangan mengenai saringan

Waspada jangkitan kolera

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 Mac. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa terdapat laporan kes penyakit kolera di negara jiran. Kementerian Kesihatan Malaysia telah melaporkan tujuh kes Kolera di Limbang, Sarawak pada 3 Mac 2016.

Penyakit Kolera adalah penyakit jangkitan usus yang disebabkan oleh kuman *vibrio cholera* yang merebak melalui makanan dan air yang tercemar. Tanda utama penyakit ini ialah cirit-birit. Selain dari itu, tanda-tanda lain yang mungkin dihidapi termasuk muntah dan sakit perut. Jangkitan kolera yang teruk boleh menyebabkan kekurangan air di dalam badan dan kematian, jika tidak dirawat.

Hasil dari pemantauan berterusan

Kementerian Kesihatan, setakat ini tidak ada kes penyakit kolera telah dilaporkan di Negara Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun, sebagai langkah waspada dan berjaga-jaga bagi menghindari dari jangkitan penyakit kolera, Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan orang ramai untuk terus mengamalkan kebersihan diri, makanan dan persekitaran yang baik.

Orang ramai adalah disarankan untuk :

i. Hanya mengunjungi premis menjual makanan ataupun restoran yang mempunyai persekitaran yang bersih;

ii. Elakkan memakan salad ataupun ulam-ulaman yang diragui kebersihannya;

iii. Minum air yang dimasak

ataupun air botol (mineral) yang mempunyai *intact seal*;

iv. Memastikan makanan dimasak dengan sempurna;

v. Sentiasa mencuci tangan dengan menggunakan cecair pembersih tangan atau sabun dengan air yang bersih selepas menggunakan tandas dan sebelum makan atau menyediakan makanan;

vi. Berjumpa doktor dengan segera untuk mendapatkan rawatan jika terdapat tanda-tanda penyakit kolera seperti cirit-birit terutama sekali selepas lawatan ke tempat-tempat yang terjejas.

Kementerian Kesihatan akan terus memantau kejadian wabak yang sedang berlaku di negara jiran dan akan memaklumkan kepada orang ramai mengenai perkembangannya.

Untuk maklumat lanjut mengenai dengan penyakit ini, orang ramai bolehlah menghubungi talian Healthline 145.

pendengaran anak damit yang mana ia sangat penting bagi mengesan masalah pendengaran anak damit dengan seawal-awalnya, iaitu selepas dilahirkan.

Di samping itu, peraduan mewarna dan melukis tentang penjagaan kesihatan telinga juga diadakan bagi memberikan kesedaran kepada kanak-kanak serta mendidik mereka tentang pentingnya menjaga deria tersebut.

SELAIN dari pameran dan pemeriksaan kesihatan, aktiviti mewarna untuk kanak-kanak turut diadakan.



Tiga produk kosmetik didapati tercemar

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Mac. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menggunakan tiga produk kosmetik yang mana hasil dari ujian makmal Bahagian Kawalan Mutu Ubat, Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan telah mendapati bahawa produk tersebut dicemari dengan bahan terlarang yang tidak diisytiharkan.

Produk berkenaan telah didapati melalui aktiviti pemantauan semasa pasaran yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasaan Farmasi di kedai-kedai runcit.

Produk kosmetik berkenaan adalah Secret of Beauty Skincare - Night Cream yang dicemari dengan Hydroquinone dan Tretinoin; Secret

of Beauty Skincare-Moisturiser dan Secret of Beauty Skincare-Cleanser yang dicemari dengan merkuri. Pengilang / penganjur bagi ketiga-tiga produk tersebut ialah SOB Global Resources.

Bahan-bahan pencemar dalam produk berkenaan boleh mengakibatkan kesan-kesan mudarat yang membahayakan kesihatan.

Hydroquinone dan Tretinoin adalah bahan yang digunakan dalam ubat-ubatan yang memerlukan preskripsi bagi merawat penyakit kulit dan ia dilarang sebagai bahan di dalam produk kosmetik penjagaan kulit di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik).

Penggunaan Hydroquinone tanpa pengawasan boleh menyebabkan perubahan warna kulit,

hipersensitiviti, bahagian kulit yang disapu menjadi biru-hitam atau gelap serta boleh meningkatkan risiko kanser kulit.

Penggunaan Tretinoin yang tidak betul boleh menyebabkan kulit yang disapu menjadi kemerahan, mengelupas dan parut pada kulit.

Merkuri pula adalah bahan yang dilarang dalam produk kosmetik seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik) 2007.

Penggunaan merkuri di dalam produk kosmetik adalah dilarang kerana ia boleh memudaratkan kesihatan. Tahap merkuri yang tinggi atau pendedahan yang kerap boleh menyebabkan kulit kebas, sakit kepala, ruam, perubahan warna kulit serta kerosakan pada buah pinggang dan sistem saraf. Anak damit dan kanak-kanak kecil yang terdedah dengan kesan sampingan dari pengguna boleh mengganggu perkembangan otak kanak-kanak yang masih kecil atau anak damit yang belum dilahirkan.

Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan kebenaran ke atas pengimportan dan mengeluarkan Surat Pengakuan Notifikasi Produk Kosmetik bagi penjualan produk-produk tersebut.

Berikutan dapatan ini, produk-produk berkenaan adalah dilarang

untuk diimport dan dijual di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang telah menggunakan produk-produk tersebut adalah dinasihatkan untuk memberhentikan pemakaiannya dengan serta-merta. Jika mereka mengalami kesan *advers* dan merasa tidak sihat selepas menggunakan produk-produk berkenaan, hendaklah berjumpa doktor dengan segera.

Orang ramai yang terlibat dalam penjualan produk-produk tersebut (termasuk penjualan secara *online* seperti melalui Facebook dan sebagainya) adalah diingatkan bahawa ia adalah menjadi satu kesalahan di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik), 2007 untuk mengimport dan memasarkan produk kosmetik dalam pasaran tempatan tanpa Surat Pengakuan Notifikasi Produk Kosmetik yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa di Kementerian Kesihatan, dan jika didapati bersalah boleh didenda tidak melebihi BND 5,000, penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Kementerian Kesihatan juga ingin memohon kerjasama daripada orang ramai untuk melaporkan ke Bahagian Penguatkuasaan Farmasi jika mendapati produk-produk berkenaan masih dipasarkan di negara ini.

Untuk maklumat lanjut dan



PRODUK kosmetik Secret of Beauty Skincare dicemari bahan terlarang.

perhubungan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Penguatkuasaan Farmasi melalui talian telefon +673 2393298 sambungan 208, menghantar e-mel ke pharmacy.enforcement@moh.gov.bn atau berjumpa terus Pegawai Penguatkuasaan Farmasi di Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kampung Madaras, Mukim Gadong 'A'.

PENGIJRAHAN MINDA POSITIF, TINGKATKAN EKONOMI NEGARA

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.